



PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI SELASA: 30 JUN 2009

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8, 11 HINGGA 114)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7, 9 DAN 10
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SOALAN NO. : 8

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUBANG]

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan dilakukan supaya kedudukan Malaysia di dalam Climate Change Perfomance Index 2009 naik daripada kedudukan sekarang iaitu 52 daripada 57.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Laporan Climate Change Performance Index 2009 (CCPI) adalah disediakan oleh sebuah badan bukan kerajaan (NGO) negara Jerman yang dikenali sebagai Germanwatch. Laporan ini bukanlah satu laporan rasmi *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC).

Kementerian ini juga berpandangan bahawa laporan ini mempunyai beberapa kelemahan dalam pendekatan dan perkiraan CCPI. Terdapat tiga komponen dalam perkiraan ini dan markah diberi bagi setiap komponen seperti berikut:

- i. Trend pelepasan (emission trends) - 50 %
- ii. Tahap pelepasan oleh negara - 30 %
- iii. Dasar iklim - 20 %

Di samping itu, negara-negara maju dan negara-negara peralihan (iaitu negara-negara Annex I) serta negara-negara lain yang melepaskan lebih 1% daripada jumlah pelepasan CO₂ dunia sahaja dimasukkan dalam perkiraan CCPI.

Memandangkan Malaysia menyumbang kurang daripada 1% daripada jumlah pelepasan CO₂ dunia, maka perkiraan tersebut tidak tepat.

Namun begitu, Malaysia prihatin dan serius dalam menangani isu perubahan iklim dan telah mengambil langkah-langkah adaptasi dan mitigasi. Tujuannya adalah untuk:

- i. mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar termasuk perubahan iklim;
- ii. mempergiatkan usaha pemuliharaan untuk mengurus sumber alam secara mampan;
- iii. menggalakkan penggunaan sumber tenaga diperbaharui (*Renewable Energy, RE*); dan
- iv. menggalakkan penggunaan tenaga secara lebih cekap dan efisien (*Energy Efficiency, EE*).

Selain itu, kerajaan telah menubuhkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada bulan April tahun ini bagi menyelaraskan pelaksanaan program teknologi hijau. Matlamatnya adalah bagi merangka dasar serta tindakan yang dapat mengurangkan penggunaan minyak fosil dan seterusnya mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases – GHG*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI
(KAPIT)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **30.06.2009** **SOALAN NO: 11**

Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa sebenarnya rasional dan kebajikan yang diharapkan daripada percantuman Papan Utama dan Papan Bursa Malaysia yang bakal dilaksanakan pada bulan Ogos 2009 ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, percantuman Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Malaysia Securities Berhad adalah sebahagian daripada inisiatif rangka kerja (*framework*) penjanaaan dana dan struktur papan baru yang dilancarkan pada 8 Mei 2009. Rangka kerja baru ini, yang akan mula beroperasi pada bulan Ogos 2009, secara amnya bertujuan untuk memberikan akses yang lebih efisien terhadap penjanaaan modal oleh syarikat dan pelaburan oleh para pelabur.

2. Perubahan dalam struktur papan tersebut mencerminkan perkembangan progresif lanskap pasaran modal negara dan bertujuan menjadikan Malaysia lebih kompetitif dalam pasaran modal global. Langkah ini bersedia untuk membawa Bursa Malaysia sejajar dengan pasaran antarabangsa dalam meletakkan kita sebagai sebuah destinasi penjana dana yang bersesuaian.

Empat perkara asas di dalam penyusunan semula kerangka kerja pengawalseliaan adalah:

- 1) Papan Utama dan Papan Kedua yang digabungkan dan dikenali sebagai "Pasaran Utama" adalah bagi syarikat yang telah bertapak (*established corporations*);
- 2) Papan MESDAQ yang dikenali sebagai "Pasaran ACE" adalah pasaran alternatif yang terbuka kepada syarikat-syarikat yang pelbagai saiz dan dari semua sektor ekonomi;
- 3) Bursa Malaysia berkedudukan sebagai destinasi pilihan penyenaaran dan penjana dana bagi syarikat dalam dan luar negara; dan
- 4) Peralihan dalam pendekatan penilaian ke atas cadangan korporat bagi memastikan piawai penzahiran di dalam prospektus dan dokumen awam dipatuhi oleh syarikat terutama dalam bidang tadbir urus korporat dan kepentingan awam.

Struktur papan yang mempunyai perbezaan yang lebih jelas ini dapat memberikan pilihan pelaburan kepada para pelabur mengikut selera atau penerimaan risiko (*risk appetite*) masing-masing.

3. Langkah ini juga merupakan peralihan kepada satu pendekatan pengawalseliaan yang lebih berasaskan pasaran, bagi mempertingkatkan kecekapan dan daya saing tanpa menjejaskan perlindungan pelabur. Para peserta pasaran diberikan lebih kuasa bertindak (*empowerment*) dengan lebih penekanan terhadap disiplin diri dan disiplin pasaran. Dengan mengambil kira akan kepentingan perlindungan pelabur bagi mengekalkan pasaran yang berkualiti, aspek urus tadbir korporat sangat ketara di dalam keperluan penyelarai yang baru. Ini sangat penting bagi mengekalkan keyakinan pelabur di dalam pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
[SERDANG]

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan Projek Menaik Taraf Persimpangan Jalan Serdang Raya / Jalan Puchong-Sungai Besi yang asalnya dijangka siap pada 14 Jun 2009 dan sebab-sebab projek ini adalah 90 peratus lewat daripada jadual asal.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Projek Menaiktaraf Persimpangan Jalan Serdang Raya/Jalan Puchong – Sungai Besi telah disemak dan dijadualkan semula dan kini, kemajuan fizikal projek adalah 47.3%, berbanding peratus jadual 48%. Projek ini telah mengalami kelewatan disebabkan proses pengambilan balik tanah dan masalah-masalah teknikal dalam pelaksanaan projek yang memerlukan kerja-kerja ukur tambahan dan pengubahsuaian reka bentuk projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek sedang berjalan dan dijadualkan siap pada 5/1/2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) keuntungan Petronas dan dividen yang diberi dari Januari ke Mac tahun 2009 dan perbandingan dengan tempoh yang sama tahun lepas; dan
- (b) keuntungan runcit (retail profit) dan penjualan pam (pump sales) dan apakah keuntungan Kerajaan dalam jualan petrol dan diesel dari hasil penjualan pam.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS menyediakan laporan kewangannya berdasarkan tempoh kewangan yang berakhir 31 Mac setiap tahun. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008, keuntungan sebelum cukai PETRONAS adalah sebanyak RM95.5 bilion manakala dividen yang di bayar oleh PETRONAS bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM24 bilion. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, seperti yang diumumkan pada 25 Jun 2009 yang lepas, keuntungan sebelum cukai PETRONAS adalah sebanyak RM89.1 bilion iaitu berkurangan sebanyak RM6.4 bilion, manakala dividen yang di bayar oleh PETRONAS bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM30 bilion iaitu meningkat sebanyak RM6.0 bilion atau 25%.

Bagi soalan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keuntungan runcit sama ada kepada syarikat minyak dan pengusaha stesen adalah berasaskan *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Bagi minyak petrol, **keuntungan syarikat minyak** ditetapkan sebanyak 5 sen seliter manakala bagi **pengusaha stesen** 12.19 sen seliter. Sementara itu, bagi minyak diesel pula, keuntungan syarikat minyak ditetapkan sebanyak 2.25 sen seliter manakala bagi pengusaha stesen 7 sen seliter.

Harga di pam ditetapkan melalui APM dengan mengambil kira elemen subsidi dan juga cukai jualan. Subsidi akan diberikan oleh Kerajaan apabila kos sebenar di stesen minyak melebihi harga jualan yang ditetapkan. Namun demikian dalam keadaan tertentu di mana kos sebenar di stesen minyak adalah lebih rendah daripada harga yang ditetapkan, Kerajaan akan mengenakan cukai jualan. Cukai jualan maksimum bagi petrol adalah 58.62 sen seliter manakala diesel adalah 40.00 sen seliter.

Memandangkan kos produk ini sentiasa berubah-ubah, Kerajaan tidak semestinya mendapat keuntungan daripada penjualan produk petroleum di stesen-stesen minyak. Ini kerana apabila kos produk meningkat Kerajaan juga terpaksa memberi subsidi ke atas produk petroleum.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
(AMPANG)

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :

- (a) apakah statistik pinjaman TEKUN yang telah diberikan
- (b) berapa ramaikah usahawan dari pinjaman ini yang berjaya

Jawapan :

TEKUN Nasional yang ditubuhkan pada 9 November 1998 adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) yang bertanggungjawab untuk membantu usahawan Bumiputera yang ingin memula dan meningkatkan perniagaan melalui pembiayaan perniagaan dan khidmat sokongan.

Pada tahun 2009, dari Januari hingga Mei, sejumlah 17,539 pembiayaan berjumlah RM191,089,800 telah dikeluarkan kepada usahawan-usahawan di seluruh negara termasuk usahawan wanita sebanyak 8,493 pembiayaan bernilai RM82,362,300.

Secara keseluruhannya, dari 1998 hingga 31 Mei 2009, TEKUN Nasional telah meluluskan 181,831 pembiayaan berjumlah RM1.32 bilion kepada usahawan-usahawan di seluruh negara, termasuk usahawan wanita sebanyak 90,325 pembiayaan bernilai RM601,154,400.

Daripada jumlah ini, sebanyak **36,872 Pembiayaan Ulangan** bernilai **RM423,141,500** telah dikeluarkan kepada usahawan-usahawan yang berjaya dalam perniagaan dan selesai membayar balik pembiayaan sebelumnya, termasuk usahawan wanita sebanyak 19,725 pembiayaan bernilai RM211,535,800.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Abdul Manan B. Ismail [Paya
Besar]

TARIKH : 30 Jun 2009

SOALAN : Dato' Abdul Manan B. Ismail [Paya
Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah Kerajaan merancang untuk membuka ladang-ladang pertanian (milik Kerajaan) selain kelapa sawit bagi mengeluarkan hasil-hasil pertanian yang bertujuan untuk pasaran ke luar negara sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang merupakan satu projek bertujuan untuk mewujudkan zon kekal bagi pengeluaran tanaman makanan. Kerajaan Persekutuan menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur bagi tujuan pembangunan TKPM ini. Setelah tanah telah diwartakan, kawasan ini disewakan kepada usahawan dan syarikat swasta bagi tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran berskala komersil. Sehingga 31 Mac 2009, 45 TKPM ini telah mencapai hasil pengeluaran sebanyak 34,322 t.m dengan nilai RM38.1 juta. Keluasan tanaman yang telah dibangunkan adalah seluas 3,828 ha dengan penyertaan peserta sebanyak 747 orang.

Pada masa kini, kebanyakan hasil keluaran daripada TKPM adalah cukup untuk memenuhi keperluan domestik sahaja. Walau bagaimanapun, di TKPM Lanchang Pahang melalui kerjasama di antara Malaysian Agriculture Food Corporation Berhad (MAFC), tanaman betik telah diusahakan bagi tujuan pasaran tempatan dan juga eksport ke luar negara. Sehingga ini, betik yang dikeluarkan di Lanchang Pahang telah pun dijual di pasaran United Kingdom. Dalam masa yang sama, promosi pasaran juga dilakukan di Timur Tengah, Eropah dan Hong Kong yang mana telah mendapat sambutan baik. Sehubungan dengan itu, pihak MAFC sedang mengambil tindakan untuk meningkatkan pengeluaran tanaman

betik bagi memenuhi keperluan pasaran di negara-negara tersebut.

Kerajaan tidak merancang untuk membuka ladang khas untuk pasaran ke luar negara sahaja. Jualan hasil pertanian akan ditentukan oleh pasaran yang boleh memberi margin keuntungan yang tertinggi dan pengusaha-pengusaha akan menjual di pasaran sama ada domestik atau luar negara yang dapat menawarkan harga dan lain-lain syarat jualan yang terbaik.

SOALAN NO : 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 30 JUN 2009
SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilangan doktor pakar, jururawat terlatih, pembantu makmal dan juru X-ray yang akan diserap oleh 42 buah hospital swasta baru yang telah pun diluluskan pada tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2008, terdapat hanya 12 buah hospital swasta baru telah diberikan lesen untuk beroperasi dan telah memberikan pekerjaan kepada profesional perubatan berikut :

- (a) 79 orang doktor pakar;**
- (b) 195 orang jururawat terlatih;**
- (c) Empat (4) orang pembantu makmal; dan**
- (d) Enam (6) orang juru X-ray.**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN RAIME BIN UNGI
(TENOM)**

TARIKH : 30.06.09

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapakah kos yang telah dibelanjakan untuk menyelenggarakan jalan-jalan luar bandar di negeri Sabah sejak tahun 2004 hingga 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2004 hingga 2008 Kementerian telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM499.13 juta bagi menyelenggara dan membina jalan-jalan luar bandar di negeri Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)
TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah benar seorang Imam di Masjid Saidina Umar Al-Khattab Bukit Damansara, Syamsul Firdaus Mohamed Supri dipecat kerana menyeru kepada "pemerintahan adil, telus dan cara yang betul" dalam khutbah Jumaatnya Februari lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah tidak benar seorang Imam di Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Bukit Damansara, ditamatkan perkhidmatan kerana menyeru kepada "pemerintahan adil, telus dan cara yang betul " dalam khutbah Jumaatnya Februari lalu. Untuk makluman Yang Di Pertua, Encik Syamsul Firdaus Mohamed Supri adalah Imam Ratib yang telah dilantik oleh Ahli Jawatankuasa Masjid Saidina

Umar Al-Khattab pada tahun 1998. Oleh itu penamatan perkhidmatan beliau pada 1 Mei 2009 juga dibuat oleh Jawatankuasa Masjid Saidina Umar Al-Khattab. Beliau ditamatkan perkhidmatan atas sebab masalah disiplin dan ingkar perintah. Beliau juga didapati tidak memberikan komitmen dan kerjasama dalam program dan tugas di Masjid.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SHAHRIR BIN AB. SAMAD
TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. Dato' Shahrir bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian terkini Kerajaan Malaysia berikutan pertemuan Y.A.B Perdana Menteri dengan rakan sejawatnya dari Republik Singapura pada akhir bulan Mei 2009 terhadap soal menggantikan Tambak Johor dengan sebuah jambatan baru bagi menghubungkan Johor Bahru dengan Pulau Singapura.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tambak Johor tidak akan sama sekali digantikan dengan sebuah jambatan baru. Ini adalah kerana jambatan sedia ada merupakan satu lokasi yang strategik sebagai laluan keluar masuk ke Singapura - Malaysia. Walau bagaimanapun, cadangan awal pembinaan jambatan baru ini adalah untuk menghubungkan bahagian timur Johor dengan Singapura bagi melancarkan lagi pergerakan orang ramai, barangan dan perkhidmatan antara kedua-dua negara. Namun begitu, Kerajaan tidak akan terburu-buru untuk melaksanakan pembinaan

jambatan baru tersebut. Untuk itu, satu kajian kemungkinan dan kebolehlaksanaan bagi cadangan pembinaan tersebut akan dibuat terlebih dahulu dalam memastikan perancangan yang tepat dan sama ada pelaksanaannya dapat dilakukan.

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN :

**Y.B TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] MINTA
MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jangkaan projek
LATAR akan dimulakan dan disiapkan serta adakah
LATAR akan disambungkan ke lebuh raya Persekutuan dari
Selayang dan sekiranya tidak, mengapa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor (KLKS) yang dahulunya dikenali sebagai Lebuhraya Assam Jawa - Taman Rimba Templer (LATAR) telah dimulakan pada 28 Oktober 2008 dan dijangka siap pada 27 April 2011. Kemajuan kerja terkini adalah sebanyak 15.97% berbanding dengan 12.86% yang dijadualkan. Buat masa ini pelaksanaannya mendahului jadual pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, lebuhraya ini bermula dari persimpangan bertingkat Taman Rimba Templer di Jalan Persekutuan 1 (FT 1) sehingga ke Assam Jawa di Kuala Selangor. Oleh yang demikian, pengguna dari Selayang boleh menggunakan lebuhraya ini dengan keluar melalui persimpangan bertingkat Kuang dan masuk ke lebuhraya Shah Alam – Kuang (GCE) untuk ke lebuhraya persekutuan laluan 2 (FHR 2).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)
TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN NO. 21

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria (Parit) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia mendengar idea-idea yang diberikan oleh golongan belia bagi menambahbaikkan pembangunan sosio belia di dalam negara ini selaras dengan konsep Satu Malaysia.

JAWAPAN:

Kementerian amat mengalu-alukan dan sentiasa bersedia untuk mendengar sebarang idea dan pandangan golongan belia bagi menambah baik pembangunan sosio belia di dalam negara ini agar selaras dengan konsep Satu Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH
(KELANA JAYA)
TARIKH : 30.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA] minta Menteri Pelajaran menyatakan alasan mengapakah markah lulus PMR bagi kebanyakan mata pelajaran ialah 20/100 dan Matematik 8/100.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR), pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menentukan markah lulus ataupun markah gagal kerana matlamat PMR adalah untuk melaporkan tahap penguasaan murid dalam pembelajaran. KPM hanya menentukan gred sempadan untuk mengenalpasti tahap penguasaan calon/murid. Markah sempadan yang ditetapkan bagi setiap gred untuk menunjukkan tahap penguasaan tidak sama antara satu mata pelajaran yang lain dan antara satu tahun dengan tahun yang lain (ianya boleh jadi naik ataupun turun) tetapi dalam julat yang kecil yang tidak sama sekali menjejaskan standard pengukuran yang diperakui di peringkat antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN TENG BOON
SOON
(TEBRAU)**

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan peratusan kawasan luar bandar yang masih belum mendapat bekalan air dan elektrik. Apakah langkah-langkah diambil dan jumlah peruntukan disediakan untuk membantu rakyat di kawasan-kawasan ini.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) jumlah peratusan liputan bekalan air adalah 97% di Semenanjung Malaysia, 63% di Sabah dan 62% di Sarawak.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9), Kerajaan telah menyediakan sejumlah RM1.373 billion bagi program bekalan air luar bandar. Daripada jumlah tersebut, Semenanjung Malaysia diperuntukkan sebanyak RM460.8 juta, Sabah diperuntukkan sebanyak RM463.9 juta dan Sarawak pula diperuntukkan sebanyak RM448.5 juta.

Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sedia ada

dengan memberi tumpuan kepada projek-projek di negeri Sabah dan Sarawak agar peratusan liputan bekalan air dapat dipertingkatkan.

Bagi program Bekalan Elektrik Luar Bandar pula, berdasarkan data daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB), liputan bekalan elektrik tahun 2008 Semenanjung Malaysia telah mencapai 99.9%, negeri Sabah 79.23% manakala di negeri Sarawak pula telah mencapai liputan 87.01%. Berdasarkan angka ini, Kementerian mensasarkan untuk mencapai liputan bekalan elektrik 100% di Semenanjung Malaysia serta 90% di Sabah dan Sarawak menjelang akhir tempoh RMK-9.

Dalam usaha untuk memberi bekalan elektrik ke kawasan luar bandar, Kementerian kini semakin mempergiatkan lagi pelaksanaan projek dan meneroka penggunaan teknologi terkini untuk

perbekalan elektrik terutamanya ke kawasan-kawasan yang jauh ke pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah peruntukan RMK-9 bagi Semenanjung Malaysia adalah RM80.95 juta, negeri Sabah sebanyak RM841.25 juta manakala bagi negeri Sarawak pula sebanyak RM637.56 juta.

SOALAN NO.24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
KAWASAN : RASAH
TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan asing yang telah dilaburkan di Negeri Sembilan dari bulan Januari 2009 sehingga Mei 2009 mengikut sektor, nilai setiap pelaburan tersebut, lokasi dan nama syarikat yang membuat pelaburan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dari segi sektor perkilangan, berdasarkan kepada perangkaan yang dilaporkan oleh MIDA, jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Sembilan dari Januari hingga April 2009 adalah sebanyak RM70.1 juta. Dari jumlah ini sebanyak RM60.9 juta (86.9%) adalah pelaburan langsung asing (FDI) dan bakinya sebanyak RM9.2 juta (13.1%) adalah pelaburan tempatan. Maklumat mengenai pelaburan sehingga bulan Mei hanya dapat diperolehi setelah ianya dibentangkan di Mesyuarat Kabinet pada akhir bulan Jun kelak.

Nama syarikat, nilai pelaburan, lokasi dan sektor projek perkilangan ini adalah seperti berikut:

- Korean Dongyang Precision (M) Sdn. Bhd. beroperasi di Senawang dengan nilai pelaburan sebanyak RM30.0 juta di dalam sektor elektronik;
- Sehwa Electronics (M) Sdn. Bhd. beroperasi di Senawang dengan nilai pelaburan sebanyak RM25.0 juta di dalam sektor elektronik;
- Kiyokuni Malaysia Sdn. Bhd. beroperasi di Seremban dengan nilai pelaburan sebanyak RM9.3 juta di dalam sektor jentera dan sokongan kejuruteraan;
- Southern Industrial Gas Sdn. Bhd. beroperasi di Nilai dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.2 juta di dalam sektor barangan kimia dan bahan kimia;
- Protxl (M) Sdn. Bhd. beroperasi di Nilai dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.4 juta di dalam sektor pengilangan jentera; dan
- JV Moni-tronics (M) Sdn. Bhd. beroperasi di Seremban dengan nilai pelaburan sebanyak RM0.2 juta di dalam sektor ICT dan elektrik.

Dari segi pengaliran FDI mengikut industri ke Negeri Sembilan pada tempoh ini, adalah diperhatikan bahawa industri berikut merupakan industri utama yang mendapat FDI tertinggi iaitu:

- Elektrik dan Elektronik (RM49.2 juta);
- Logam (RM9.3 juta);
- Petroleum (RM1.7 juta); dan
- Pengilangan jentera (RM0.7 juta).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) berapa jumlah drama dalam program tempatan yang ditayangkan di semua stesen televisyen pada tahun 2006, 2007, 2008 dan enam bulan pertama tahun 2009; dan
- (b) sejauh manakah berita "Warta Serumpun" telah memberi impak kepada hubungan Malaysia-Indonesia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sentiasa menggalakkan penyiaran kandungan tempatan termasuk drama, telemovie dan rancangan terbitan tempatan. RTM melalui TV1 dan TV 2 sejak tahun 2006 hingga 2008, memperuntukan sebanyak 8,358 jam masa siaran untuk tayangan drama tempatan. Bagi setengah tahun pertama 2009 pula , sebanyak 1,222 jam

masa siaran telah diperuntukkan untuk menyiarkan drama dan telemovie tempatan yang disiarkan melalui saluran TV2 sahaja. Ini berikutan penjadualan semula siaran TV RTM di mana semua rancangan bercorak drama disiarkan di saluran TV2.

Sementara itu bagi stesen penyiar swasta pula, sepanjang tempoh 2006 hingga enam bulan pertama tahun 2009, Media Prima Berhad melalui saluran-saluran di bawah naungannya iaitu TV3, 8TV, ntv7 dan TV9 telah menyiarkan drama-drama tempatan berjumlah 18,208.25 jam masa siaran.

Bagi stesen TV ASTRO jumlah jam siaran drama-drama tempatan yang disiarkan adalah sebanyak 13,284.47 jam. Ia disiarkan melalui saluran ASTRO PRIMA, ASTRO RIA dan ASTRO CERIA.

Tuan Yang Dipertua,

Warta Serumpun melibatkan penyertaan stesen penyiaran RTM dengan Televisi Republik Indonesia (TVRI) yang bermula pada 17 Ogos 2008 sempena sambutan ulang tahun ke-63 kemerdekaan Indonesia memang memberikan faedah kepada rakyat di kedua-dua negara. Melalui rancangan mingguan ini, rakyat kedua-dua negara boleh saling mengetahui perkembangan peristiwa dan berita yang berlaku di Malaysia dan Indonesia sepanjang minggu secara lengkap. Rancangan ini mendapat sokongan daripada kedua-dua Kerajaan yang mahukan ianya dikekalkan dan diteruskan. Selain rakyat dapat mengetahui perkembangan berita dan maklumat, langkah RTM dan TVRI itu juga turut menyumbang kepada usaha memantapkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara yang sedia terjalin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG)
TARIKH : 30 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan program *Harm Reduction* meliputi terapi penggantian dadah metadon,edaran kondom dan pengedaran jarum menjurus aspek rekrut peserta, kaedah pemberian metadon, peranan NGO dan elemen-elemen pemantauan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Program *Harm Reduction* ke atas penagih dadah suntikan sejak tahun 2006 yang bertujuan bagi mengurangkan risiko jangkitan *HIV/AIDS* serta penyakit-penyakit lain seperti Hepatitis B dan C, khususnya di kalangan penagih dadah suntikan.

Program *Harm Reduction* ini merangkumi Program Terapi Gantian Metadon (*Methadone Maintenance Therapy*-MMT) dan Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (*Needle Syringe Exchange Programme*-NSEP). Pengalaman di 71 buah negara yang melaksanakan program *Harm Reduction* ini telah membuktikan bahawa kaedah ini dapat mengurangkan jangkitan *HIV* di kalangan penagih dadah suntikan (*opiod*) di negara-negara yang melaksanakannya.

Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (*NSEP*) telah dilaksanakan sejak Februari 2006. Badan-badan bukan Kerajaan khususnya Majlis AIDS Malaysia serta klinik-klinik kesihatan Kerajaan telah melaksanakan program tersebut. Sehingga Mac 2009, sejumlah lapan buah badan bukan Kerajaan (*NGO*) di bawah naungan Majlis AIDS Malaysia telah melaksanakan aktiviti tersebut di empat *drop in centre* dan 106 *outreach point*. Sejumlah 6 buah klinik kesihatan Kerajaan turut terlibat dalam melaksanakan aktiviti tersebut.

Sehingga Mac 2009, sejumlah 14,205 orang klien (penagih dadah suntikan) telah didaftarkan dan program ini mensasarkan penglibatan sejumlah 13,000 penagih dadah suntikan pada akhir tahun 2009. Ini bermakna pihak Kementerian telah mencapai matlamat melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan (109%). Melalui pelaksanaan program ini, kondom turut diberikan kepada klien atas permintaan. Sejumlah 138,875 kondom telah diedarkan kepada klien bagi mengurangkan risiko penularan penyakit *HIV* secara hubungan seks.

Program Terapi Gantian Metadon (*MMT*) telah dilaksanakan pada Oktober 2005 dan dilaksanakan oleh fasiliti-fasiliti kesihatan Kerajaan dan klinik swasta. Sehingga Mac 2009, terdapat sejumlah 108 buah pusat perkhidmatan *MMT* yang terdiri daripada 34 buah hospital, 58 buah klinik kesihatan, sembilan buah klinik swasta, tiga (3) pusat khidmat Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) dan empat (4) buah penjara telah melaksanakan program *MMT*. Serjumlah 8,286 orang pesakit (penagih dadah suntikan) telah mendapatkan rawatan terapi gantian dengan metadon di mana program ini mensasarkan akan mencapai sejumlah 15,000 penagih dadah menjelang tahun 2009. Terdapat 5,923 orang pesakit aktif dengan kadar retensi 71.5%.

Pelaksanaan program *Harm Reduction* ini telah mengikut garis panduan yang ditetapkan dengan mengambilkira pandangan pelbagai pihak seperti Polis DiRaja Malaysia, Agensi AntiDadah Kebangsaan, badan-badan bukan Kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi-agensi lain.

Pemantauan program *Harm Reduction* dilaksanakan secara berterusan melibatkan agensi-agensi implementasi serta pegawai-pegawai di peringkat daerah, negeri dan kementerian. Aspek pemantauan bagi Program Terapi Metadon meliputi bilangan klien yang mendapatkan rawatan metadon, kekerapan rawatan, dos yang diberikan serta perubahan tingkah laku. Pemantauan Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan pula meliputi bilangan jarum dan alat suntikan serta kondom yang diedarkan, bilangan alat jarum dan alat suntikan yang dikembalikan, kadar pemulangan alat jarum dan

suntikan serta bilangan klien dirujuk ke Program Terapi Gantian Metadon.

Pemantauan program *Harm Reduction* juga turut melibatkan ujian saringan *HIV* dan *Hepatitis* yang dilakukan secara berkala pada setiap enam bulan. Sehingga tahun 2008, sejumlah 18 peratus telah dikesan dijangkiti *HIV* melalui program *NSEP* dan 19 peratus lagi dikesan dijangkiti *HIV* melalui program *MMT*. Mereka yang dikesan positif telah diberikan kaunseling berterusan. Di peringkat kebangsaan pula, satu Jawatankuasa *National Task Force on Harm Reduction* telah ditubuhkan dan mesyuarat diadakan setiap tiga bulan sekali.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
(SIBUTI)**

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian telah mula mengambil 800 pekerja kontrak untuk Program CARI di bawah Pelan Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dan berapakah jumlah pegawai yang akan ditempatkan di kawasan Parlimen Sibuti.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek CARI yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 17 Julai 2008, telah membuat pengambilan pekerja sambilan pada pertengahan

bulan Oktober 2008 untuk tempoh enam bulan (fasa pertama) dan khidmat mereka berakhir pada bulan April 2009. Walau bagaimanapun oleh kerana projek ini telah berjaya membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengesan golongan terpinggir dan tercicir yang memerlukan bantuan kebajikan, maka Projek ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2009.

Melalui Pakej Ransangan Ekonomi Kedua, KPWKM telah diluluskan peruntukan sebanyak RM21 juta bagi membiayai kos pengisian 968 orang Pekerja Sambilan Projek CARI untuk berkhidmat di seluruh negara. Sehingga bulan Jun 2009, JKM telah melantik seramai 911 orang pekerja projek CARI.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 160 jawatan diperuntukkan kepada Negeri Sarawak dan bagi Bahagian Miri yang turut meliputi kawasan Parlimen Sibuti, seramai 14 orang Pekerja Sambilan Projek CARI telah ditempatkan.

Font : Arial (20)

Soalan No: 28

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
(TANJONG)**

TARIKH : 30.06.09

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sama ada benar penasihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Zainal Abidin bin Osman pernah menyatakan Kementerian ini akan memperuntukkan RM1.1 juta untuk membantu 22 buah keluarga miskin tegar di negeri Pulau Pinang. Jikalau ya, sila beri butir-butirnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita dipohon bagi menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) pada 30.06.09 kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), sebanyak RM569.53 juta telah dibelanjakan untuk membasmi kemiskinan tegar di seluruh Negara. Dari jumlah tersebut, RM8.79 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan sembilan (9) program pembasmian kemiskinan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di negeri Pulau Pinang iaitu:

- Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dengan pembiayaan sebanyak RM4.58 juta;
- Program Latihan Dan Pendidikan (PLP) sebanyak RM0.27 juta;
- Program Bantuan Rumah (PBR) sebanyak RM1.55 juta;
- Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) sebanyak RM0.17 juta;
- Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) sebanyak RM1.24 juta;
- Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS) sebanyak RM0.54 juta;
- Program Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) sebanyak RM0.14 juta; dan
- Program ASB Sejahtera sebanyak RM0.30 juta.

Manakala bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sehingga 31 Mei 2009, RM524.58 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan program-program

pembasmian kemiskinan di bawah SPKR seluruh negara.

Bagi negeri Pulau Pinang sahaja, sehingga 31 Mei 2009 sebanyak RM2.94 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan sembilan (9) program SPKR seperti berikut:

- Program Peningkatan Pendapatan (PPP) sebanyak RM0.53 juta;
- Program Latihan Kemahiran Dan Kerjaya (PLKK) sebanyak RM0.46 juta;
- Program Bantuan Rumah (PBR) sebanyak RM1.22 juta;
- Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP) sebanyak RM0.20 juta;
- Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) sebanyak RM0.19 juta;
- Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) sebanyak RM0.09 juta;

- TASKA sebanyak RM0.12 juta;
- Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS) sebanyak RM0.03 juta; dan
- ASB Sejahtera sebanyak RM0.10 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Mengenai peruntukan sebanyak RM1.1 juta yang melibatkan 22 buah keluarga miskin di Pulau Pinang, Kementerian telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa ia sebenarnya peruntukan awal tahun 2009 untuk melaksanakan program-program SPKR di Pulau Pinang yang melibatkan seramai 279 ketua isi rumah miskin tegar produktif. Manakala 22 buah keluarga miskin yang dinyatakan adalah keluarga miskin di kawasan Seberang Perai Selatan (Nibong Tebal) sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 juga, negeri Pulau Pinang telah diperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi Program Bantuan Rumah di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE 1) bagi membiayai penyediaan bantuan perumahan kepada 325 buah keluarga miskin tegar di Pulau Pinang.

SOALAN NO : 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]
TARIKH : 30 JUN 2009
SOALAN :**

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratusan jawatan doktor dan doktor pakar yang telah diisikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mac 2009, peratus pengisian jawatan Pegawai Perubatan adalah berjumlah 57.5% manakala peratus pengisian bagi Pegawai Perubatan Pakar adalah berjumlah 54.5%.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN DAHLAN (KOTA BELUD-BN)

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN NO. 30

Dato' Haji Abdul Rahman Dahlan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan oleh Kerajaan khusus bagi membangunkan sukan bola sepak dan hoki agar dapat bersaing dengan negara lain memandangkan kedua-dua jenis sukan ini diminati oleh rakyat pelbagai kaum di negara ini.

JAWAPAN:

Kementerian memerlukan peruntukan sekurang-kurangnya **RM50** juta setahun untuk pembangunan sukan bola sepak, dan **RM30** juta setahun untuk pembangunan sukan hoki bagi membolehkan negara bersaing dengan negara lain dalam kedua-dua bidang sukan tersebut. Pihak Kerajaan akan terus menyokong pembangunan kedua-dua sukan ini dan sokongan pihak swasta amatlah dialu-alukan bagi menaja pembangunan sukan bola sepak dan hoki negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan : **LISAN**
Daripada : **TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGAM)**
Tarikh Jawapan : **30 Jun 2009 (Selasa)**

SOALAN:

Minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapa bilangan kes penjenayah siber sejak Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 diperkenalkan hingga kini. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani isu jenayah siber ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Jenayah siber adalah satu jenayah yang dilakukan melalui komputer yang boleh mengakses perkhidmatan Internet (laman web, web blog dan e-mel) atau telefon bimbit mudah alih bagi khidmat pesanan ringkas (SMS dan MMS). Kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah seperti hasutan, memfitnah, penipuan, pornografi, kecurian maklumat, merosak atau mengubahsuai ke atas program atau data komputer, menyebarkan berita atau maklumat palsu, lucah atau jelic.

Siasatan ke atas kes jenayah siber tidak terhad kepada kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sahaja. Di Kementerian ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat kes-kes berhubung kandungan atau penyalahgunaan rangkaian yang dilakukan melalui Internet atau khidmat pesanan ringkas (SMS) mengikut seksyen 211 atau 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

Sehingga kini sebanyak 300 kes telah disiasat oleh SKMM di bawah seksyen 211 dan 233 AKM 1998. Seramai 9 orang telah dituduh di mahkamah di bawah seksyen 233 AKM 1998. Seorang telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM 10,000 manakala lapan (8) orang lagi masih menunggu perbicaraan di mahkamah. Bagi kes penghantar sistem pesanan ringkas (SMS) yang berunsur lucah atau jelik sifatnya, seramai empat (4) orang telah dihadapkan ke mahkamah. Mereka semua telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman denda di antara RM 2,000 dan RM 4,000.

Selain SKMM, agensi-agensi penguat kuasa lain seperti Polis Di Raja Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, dan lain-lain lagi mempunyai bidang kuasa menyasat kes-kes jenayah siber mengikut undang-undang yang berkaitan. Antara undang-undang yang boleh diguna pakai bagi mengambil tindakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan jenayah siber ialah Akta Hasutan, Kanun Keseksaan, Akta Jenayah Komputer dan lain-lain undang-undang yang berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]
TARIKH : 30 JUN 2009
SOALAN :**

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid (Padang Besar) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sebabnya sebahagian dari orang-orang kenamaan di negara ini lebih cenderung mendapatkan rawatan perubatan di hospital-hospital luar negara, sedangkan tidak kurang hebatnya kepakaran yang ada di hospital-hospital dalam negara termasuklah hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap pesakit bebas untuk membuat pemilihan untuk mendapatkan rawatan perubatan di luar negara sekiranya mampu. Pihak Kementerian tidak dapat memberikan ulasan sebab-sebab sebahagian dari orang-orang kenamaan di negara ini lebih cenderung mendapatkan rawatan perubatan di hospital-hospital luar negara berbanding hospital dalam negara. Antara fakta yang mungkin mempengaruhi keputusan orang-orang kenamaan berkaitan adalah seperti berikut :

- i. mereka kurang mempunyai pengetahuan tentang adanya perkhidmatan yang sama seperti di luar negara ada disediakan di hospital-hospital dalam negara samada di hospital kerajaan atau di hospital swasta.
- ii. mereka tidak mahu penyakit mereka diketahui oleh orang ramai.
- iii. mereka lebih cenderung mendapatkan rawatan perubatan daripada pakar-pakar tertentu di luar negara yang mereka pernah mendapat rawatan sebelum ini.
- iv. mereka telah dirujuk oleh pakar swasta di dalam negara untuk mendapatkan rawatan di luar negara.
- v. mereka telah mendapatkan rawatan perubatan semasa melancong keluar negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN
MOHAMED [SEKIJANG]**

TARIKH : 30 JUN 2009

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

sejauh mana penularan wabak H1N1 (selesema babi) telah
menjejaskan kedatangan pelancong ke negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia bagi bulan Januari hingga April 2009 telah mencatatkan pertambahan sebanyak 3.4% iaitu sebanyak 7,344,057 pelancong berbanding 7,102,617 pelancong pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia bagi bulan **Januari hingga Mei 2009** telah menunjukkan sedikit penurunan sebanyak **0.8%** iaitu 9,238,116 pelancong berbanding 9,001,765 pelancong pada tahun 2008.

Kementerian Pelancongan Malaysia berpandangan bahawa terlalu awal untuk melihat kesan penularan wabak tersebut ke atas jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia buat masa ini. Ini adalah kerana faktor ekonomi

global yang tidak menentu pada masa kini juga turut boleh memberi kesan terhadap industri pelancongan di seluruh dunia termasuk Malaysia. Kementerian juga yakin bahawa industri pelancongan negara masih tidak terjejas kerana selain daripada pelancongan domestik yang sentiasa mendapat sambutan, Tourism Malaysia telah mengambil langkah mempertingkatkan promosi pelancongan negara di seluruh dunia serta strategi-strategi tertentu dari masa ke semasa untuk menarik pelancong asing ke negara kita.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.BHG. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]**
TARIKH : **30 JUN 2009**

SOALAN:

Y.BHG. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga tahun 2008 berapakah peratus pemilikan harta di antara kaum di negara ini dan berapakah peratus jumlah premis-premis perniagaan yang dimiliki mengikut kaum di setiap negeri serta langkah-langkah mengimbangkan perbezaan tersebut.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di - Pertua,

Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai pemilikan pelbagai jenis hartanah di Malaysia mengikut kaum. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui kementerian dan agensi berkenaan sedang mengemaskini maklumat pemilikan premis komersil di seluruh negara bagi tahun 2008. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar bahawa terdapat jurang yang agak ketara dari segi pemilikan hartanah di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia terutamanya di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera dan Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan jurang tersebut.

Bagi tujuan itu, Kerajaan akan memastikan agensi amanah Bumiputera dan syarikat berkaitan Kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha

meningkatkan pemilikan hartanah oleh Bumiputera khususnya hartanah bernilai komersil. Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) akan meneraju usaha meningkatkan pemilikan hartanah Bumiputera di lokasi strategik terutamanya di kawasan bandar. Selain itu, Perbadanan UDA dan Majlis Amanah Rakyat akan melengkapi usaha YAHB dengan mengenal pasti dan memperoleh hartanah komersil dan seterusnya menyediakan lebih banyak peluang kepada usahawan Bumiputera berniaga di lokasi perniagaan utama. Kerajaan berharap langkah yang dilaksanakan akan dapat meningkatkan pemilikan hartanah oleh Bumiputera dan seterusnya mengurangkan jurang pemilikan antara kaum.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.06.2009

SOALAN NO : 35

Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cabutan istimewa (*speacial draw*) empat nombor ekor yang telah dibenarkan sejak 1999. Daripada jumlah tersebut, berapakah dana berjaya dikutip dan di manakah dana tersebut disalurkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cabutan istimewa (*special draw*) empat nombor ekor yang telah dibenarkan sejak tahun 1999 sehingga tahun 2009 ialah sebanyak 115 kali cabutan.

2. Jumlah kutipan yang diterima dari cabutan khas sehingga tahun 2008 ialah RM1,047,988,415.16. Jumlah kutipan bagi tahun 2009 belum lagi diperolehi kerana cabutan khas (*special draw*) hanya akan bermula pada bulan Jun 2009 dan berakhir pada bulan Disember

2009. Hasil daripada jumlah tersebut telah disalurkan untuk membiayai pelbagai projek yang berbentuk sukan, kebajikan, pendidikan, kesihatan dan kemasyarakatan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT
[MAMBONG]

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebab-sebab kenapa Kementerian tidak mewajibkan pendaftaran bahan-bahan kimia yang berbahaya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahan kimia dikawal melalui beberapa akta seperti Akta Racun Makhluk Perosak 1974 oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 oleh Kementerian Kesihatan serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan 1994 oleh Kementerian Sumber Manusia. Pada masa kini, racun makhluk perosak didaftar oleh Lembaga Makhluk Perosak dan bahan farmaseutikal didaftar oleh Kementerian Kesihatan.

Bagi bahan-bahan kimia yang lain tiada keperluan untuk pendaftaran buat masa sekarang. Namun begitu, Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar telah

mengambil inisiatif dengan menyediakan skim pemberitahuan dan pendaftaran bagi benda berbahaya kepada alam sekeliling termasuk bahan kimia (iaitu *Environmentally Hazardous Substances Notification and Registration Scheme*). Buat permulaan, skim tersebut telah dibuka untuk pendaftaran secara sukarela mulai 2 Januari 2009.

Peraturan khusus pendaftaran bagi benda berbahaya kepada alam sekeliling sedang digubal oleh JAS dan pendaftaran bagi pengimport dan pengeluar benda berbahaya kepada alam sekeliling adalah wajib setelah peraturan ini dikuatkuasakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL
[INDERA MAHKOTA]
TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah tujuan membawa konsep liberalisasi di dalam pentadbiran Kerajaan baru pimpinan beliau serta apakah sektor-sektor yang akan diliberalisasikan dan bagaimanakah pelaksanaannya boleh membawa faedah kepada rakyat Malaysia?

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejajar dengan globalisasi yang semakin meningkat dan perubahan ekonomi antarabangsa, Kerajaan perlu mengatur strategi untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing. Antara strategi yang diambil termasuk meliberalisasi sektor perkhidmatan bagi mempercepatkan pembangunan sektor tersebut. Usaha ini juga adalah selaras dengan komitmen negara di bawah perjanjian General Agreement on Trade in Services (GATS) dan ASEAN Framework Agreement on Services (AFAS) yang telah ditandatangani sejak tahun 1995.

Antara manfaat yang akan dinikmati melalui liberalisasi termasuk:

- daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan akan meningkat kerana komitmen liberalisasi dapat menyediakan kepastian perundangan bagi pelabur asing yang berhasrat melabur di Malaysia;
- membawa masuk kepakaran dan teknologi yang akan membantu dalam pemindahan pengetahuan kepada penyedia perkhidmatan tempatan;

- persaingan yang meningkat dalam pasaran domestik akan dapat memperkukuhkan keupayaan daya saing penyedia perkhidmatan tempatan;
- rakyat juga akan merasai manfaat liberalisasi dengan wujudnya lebih pilihan perkhidmatan yang berkualiti dengan harga yang kompetitif; dan
- lebih banyak peluang pekerjaan berasaskan pengetahuan akan dapat dijana.

Pada masa ini, lebih penekanan diberikan kepada inisiatif liberalisasi bagi meningkatkan aliran masuk pelaburan asing ke dalam sektor perkhidmatan. Ini adalah kerana sektor perkhidmatan yang merupakan penjana utama ekonomi negara hanya menerima 11 peratus pelaburan asing daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Liberalisasi bagi 27 sub-sektor perkhidmatan pada 22 April 2009 adalah selaras dengan matlamat menarik lebih banyak pelaburan, seterusnya membawa masuk profesional dan teknologi tinggi serta memperkukuhkan daya saing sektor tersebut.

Kerajaan menyedari bahawa inisiatif liberalisasi akan meningkatkan persaingan dalam pasaran domestik. Justeru, pembukaan pasaran bagi sub-sektor lain akan dibuat secara progresif atau berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa supaya industri tempatan dapat membina kapasiti dan keupayaan bersaing dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Untuk itu, Kerajaan juga telah menyediakan Dana Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan berjumlah RM100 juta bagi membantu syarikat tempatan membangunkan keupayaan dalam menghadapi persaingan kesan daripada liberalisasi yang sedang dilaksanakan.

Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian dan agensi berkaitan kini sedang merangka *roadmap* bagi mengenalpasti sub-sektor yang belum bersedia untuk diliberalisasi secara serta-merta.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.06.2009 SOALAN NO: 38

**Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani) minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah kereta dan kenderaan berat yang telah dirampas oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia sejak tahun 2000 kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kastam; dan
- (b) dari jumlah ini berapa yang telah dilelong dan yang belum dilelong. Berapakah anggaran nilai kereta-kereta yang belum dilelong ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah 3,354 buah kereta dan kenderaan berat telah dirampas oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia sejak tahun 2000 hingga 2008 kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kastam. Daripada jumlah ini, sebanyak 2,916 buah kenderaan telah dilelong manakala 438 buah lagi belum dilelong. Anggaran bagi nilai kereta dan kenderaan berat yang belum dilelong ialah sebanyak RM 3, 770, 273.00.

NO SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : **TUAN KULASEGARAN A/L**
MURUGESON
(IPOH BARAT)
TARIKH : **30 JUN 2009**

SOALAN :

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah bukan Islam yang memeluk agama Islam semenjak 10 tahun yang lalu; dan
- (b) adakah kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun boleh ditukar agama oleh salah seorang ibu dan bapanya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kemasukan Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri. Oleh yang demikian, setiap pendaftaran orang bukan Islam yang memeluk Islam adalah diuruskan oleh Jabatan Agama Islam di negeri masing-masing. Ini adalah selaras dengan kehendak

peruntukan dalam Akta/Enakmen Pentadbiran Islam di negeri-negeri.

- b) Menurut Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4) Perkara 11, mengembangkannya. Berdasarkan peruntukan ini adalah jelas bahawa seseorang itu bebas memilih agama yang hendak dianutinya dan tiada mana-mana orang boleh dipaksa untuk menganuti atau menukar agamanya. Walau bagaimanapun, Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada seseorang ibu atau bapa atau penjaga untuk menetapkan agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun.

Perkara ini telah pun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Subashini a/p Rajasingam v Saravanan a/l Thangathoray** [2008] 2 MLJ 147. Mengenai tafsiran perkataan "*parent*" dalam Fasal (4) Perkara 12 itu, Mahkamah Persekutuan dalam kes **tersebut** telah memutuskan bahawa perkataan "*parent*" itu membawa maksud mufrad ("*singular*") dan bukannya jamak ("*plural*"). Oleh itu, seseorang ibu atau

bapa yang menukar agamanya mempunyai hak di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menetapkan agama anaknya yang berumur di bawah 18 tahun dan tidak timbul perbuatan memaksa seseorang kanak-kanak itu untuk menukar agamanya .

Jemaah Menteri bersetuju terhadap prinsip bahawa agama anak-anak adalah menurut agama asal ibubapa semasa perkahwinan. Oleh itu, tiada pertukaran agama secara automatik terhadap anak-anak untuk mengikut agama baru salah seorang dari ibu atau bapa yang menganut agama Islam. Namun begitu, Kerajaan tetap akur kepada hak yang diberikan kepada ibu atau bapa menurut peruntukan yang sedia ada dan hak itu hendaklah dikekalkan dan tiada apa-apa pindaan dicadangkan terhadap peruntukan itu. Justeru, berdasarkan Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan, ibu atau bapa atau penjaga seorang kanak-kanak berhak untuk menentukan agama kanak-kanak itu.

Walaupun peruntukan Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan penentuan status agama anak yang berumur di bawah 18 tahun tidak dipinda, namun bagi mengatasi masalah hak jagaan anak dalam kes penukaran agama, pindaan akan dibuat kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Melalui pindaan-pindaan ini kebajikan anak-anak akan menjadi fokus utama dan bukan perbalahan ibu dan bapa mengenai hak jagaan. Adalah diharapkan melalui pindaan-pindaan itu, masalah perundangan dan sosial yang berbangkit daripada pemeluk Islam oleh salah seorang pasangan bukan Islam seperti isu pembubaran perkahwinan, nafkah, hak jagaan anak dan pembahagian harta perkahwinan akan dapat diatasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT JELUTONG]
TARIKH : 30 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berniat memperkenalkan satu kriteria berdasarkan kebolehan (merit) dan ekualiti tanpa merujuk kepada bangsa apabila menganugerahkan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Program Ijazah Luar Negara 2009, Kerajaan telah memperkenalkan satu daripada empat kategori berdasarkan kebolehan (merit) dan ekualiti tanpa merujuk kepada bangsa apabila menganugerahkan biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam. Pemilihan pelajar di bawah kategori ini adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (85%) iaitu mereka yang mendapat keputusan gred 9 1A dalam peperiksaan SPM bagi semua mata pelajaran teras dan kombinasi mata pelajaran elektif berkaitan dengan bidang yang dipohon, kokurikulum (10%) dan temu duga (5%).

Sekian. Terima kasih.

NO .SOALAN: 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]**

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah pemimpin-pemimpin negara yang telah mengucapkan tahniah atas pelantikan Dato' Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak saya mengambil alih tampuk kepimpinan negara pada tanggal 3 April yang lalu, sejumlah 59 orang pemimpin-pemimpin negara telah mengucapkan tahniah atas pelantikan saya sebagai Perdana Menteri. Antaranya adalah pemimpin-pemimpin dari negara ASEAN, Amerika Syarikat, Rusia, United Kingdom, China, India, Perancis, Jerman, Australia, Itali, Jepun, Korea Selatan dan Mesir.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
(KUALA KRAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.06.2009 SOALAN NO: 42

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Kerajaan meletakkan syarat pengambilan insurans komprehensif (1st party) kepada teksi sebelum boleh memperbaharui cukai jalan bagi teksi yang lebih 5 tahun dan telah selesai pembayaran pinjamannya yang mana ini membebankan tuan punya teksi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak meletakkan apa-apa syarat ke atas kenderaan-kenderaan tertentu seperti teksi yang telah berusia melebihi 5 tahun dan telah selesai pembayaran pinjamannya agar mempunyai insurans komprehensif sebelum dibenarkan memperbaharui cukai jalan. Pemilik kenderaan termasuk

teksi bebas memilih jenis polisi perlindungan insurans motor yang mereka ingini.

2. Bank Negara Malaysia juga tidak membenarkan penanggung insurans memaksa pemilik kenderaan untuk membeli perlindungan insurans yang tidak diingini oleh pemilik kenderaan, sama ada perlindungan Komprehensif mahupun Pihak Ketiga. Mana-mana pemilik kenderaan yang menghadapi masalah ini bolehlah menghubungi Bank seperti di bawah:

Alamat : Pusat Hubungan Bersepadu,
Jabatan Komunikasi Korporat,
Bank Negara Malaysia
Tingkat 14, Blok B,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Nombor Telefon : 1-300-88-5465

Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
(SEREMBAN)
TARIKH : 30.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan selaras dengan Konsep Satu Malaysia, tidakkah Kerajaan bercadang untuk melupuskan perkataan keling yang terdapat dalam kamus Dewan yang dilihat menyinggung perasaan kaum India dan juga penggunaannya seperti Tanjung Keling di Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyusunan kamus dibuat berdasarkan prinsip dan amalan perkamusan yang diterima pakai oleh semua penyusun kamus di mana-mana penerbit, baik di dalam mahupun di luar negara.

Bagi kamus umum seperti **Kamus Dewan**, semua pemilihan kata masukan dan pentakrifan kata masukan tersebut dibuat berdasarkan penggunaan kata tersebut oleh masyarakat sama ada secara tulisan atau lisan.

Perkataan 'keling' dalam Kamus Dewan Edisi Keempat diberikan takrifan berdasarkan teks-teks sastera lama dan tidak mempunyai makna atau konotasi yang negatif. Dalam kamus tersebut terdapat tiga kata masukan 'keling' iaitu;

- (1) Kata Masukan '**keling**' yang pertama merupakan kata yang dipinjam daripada Indonesia Belanda dan bermaksud "paku besi yang berkepala dua untuk melekatkan dua keping besi".
- (2) Kata Masukan '**keling**' yang kedua merupakan kata daripada sastera lama dan bermaksud "sejenis kapal".
- (3) Kata Masukan '**Keling**' yang ketiga merupakan kata nama khas dan mempunyai tiga makna. Makna pertama diperoleh daripada teks sastera lama dan bermaksud "sebuah empayar di pantai Coromandel Semenanjung India, yang disebut Kalinga dan Telingana, yang terkenal dengan pelayar atau pedagang yang datang ke Asia Tenggara seawal abad ke-3. Sebagai contoh, saya petik ayat daripada Hikayat Hang Tuah *"Apa maksud Orang Kaya Saudagar datang ke Melaka ini, kerana tanah Keling dan tanah Melaka ini terlalu jauh pelayaran?"*
Makna kedua juga diperoleh daripada teks sastera lama dan bermaksud "panggilan bagi orang, pedagang, atau pelayar yang berasal dari Kalinga dan Telingana yang datang ke Tanah Melayu seawal abad ke-3.
Makna ketiga merupakan penggunaan dialek dari negeri Kedah dan Penang dan bermaksud "orang India yang beragama Islam".

Huraian makna daripada ketiga-tiga kata masukan '**keling**' tidak menunjukkan atau merujuk kepada mana-mana perkara yang boleh dianggap menghina atau mencerca mana-mana kaum atau kumpulan etnik.

Demikian juga dengan penamaan sesuatu tempat. Penamaan Tanjung Keling mempunyai kaitan dengan sejarah penduduk asal tempat tersebut yang datang berdagang di Melaka pada zaman Kesultanan Melaka lagi dan tidak pula merujuk maksud lain selain kepada orang, pedagang, atau pelayar yang berasal dari Kalinga dan Telingana yang datang ke Tanah Melayu seawal abad ke-3.

44

SOALAN NO : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]
TARIKH : 30 JUN 2009
SOALAN :

Dr. Lo' Lo' Binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peraturan-peraturan terkini kawalan tembakau dan hasil tembakau dan apakah strategi pemantauan yang efektif terutamanya di bangunan-bangunan Kerajaan seperti di Parlimen

Tuan Yang di-Pertua,

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U.(A) 324] telah diwartakan pada 23 September 2004 dan dilaksanakan oleh Menteri Kesihatan melalui kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 36, Akta Makanan 1983 [Akta 281]. Sehingga kini, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau ini telah dipinda sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 2005, 2008 dan yang terakhir pada bulan Mei 2009.

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 merupakan peraturan ibu yang merangka peruntukan berhubung larangan pengiklanan dan tajaan hasil tembakau, kawalan penjualan hasil tembakau termasuk peruntukan berkaitan orang belum dewasa dan larangan merokok di tempat-tempat yang dinyatakan melalui Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Hukuman bagi mana-mana kesalahan di bawah Peraturan ini sekiranya disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi Sepuluh Ribu Ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2005 [P.U.(A) 187] yang diwartakan pada 12 Mei 2005 melakukan pindaan kepada tafsiran hospital dan klinik dengan memberi takrifan yang lebih meluas kepada kawasan hospital dan klinik sehingga termasuk kawasan tanah di mana bangunan itu terletak.

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008 [P.U.(A) 315] yang diwartakan pada 15 September 2008 pula memperuntukkan peraturan berkaitan aspek pelabelan dan pembungkusan pada rokok yang mengkehendaki setiap paket dan karton rokok mempunyai amaran kesihatan bergambar pada paparan panel hadapan dan belakangnya. Peraturan ini berkuatkuasa secara berperingkat mulai 1 Januari 2009 dan berkuatkuasa sepenuhnya mulai 1 Jun 2009. Hukuman bagi mana-mana kesalahan di bawah Peraturan ini sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak

melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2009 [P.U.(A) 199] yang baru diwartakan pada 28 Mei 2009 melarang penjualan apa-apa hasil tembakau secara bersekali dengan apa-apa objek dan benda seperti pemetik api, beg atau barangan-barangan lain. Hukuman bagi kesalahan di bawah Peraturan ini sekiranya disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pewartaan bagi kawasan larangan merokok adalah terkandung di dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 dan PPKHT (Pindaan) 2008. Sehingga kini, terdapat 20 buah tempat larangan merokok yang dinyatakan di bawah subperaturan 11(1), PPKHT 2004 (Pindaan 2008). Dimaklumkan bahawa peruntukan larangan merokok bagi semua premis Kerajaan telah bermula sejak undang-undang ini diperkenalkan pada tahun 1993. Di bawah subperaturan 11(2), Menteri Kesihatan mempunyai kuasa untuk memperuntukkan kawasan merokok dalam mana-mana kawasan larangan merokok jika ruang tersebut menepati beberapa kriteria yang ditetapkan. Antaranya ialah mempunyai dinding yang memisahkan sepenuhnya pengudaraan lokasi terbabit dengan udara di tempat-tempat yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok. Ruang merokok perlu mempunyai sistem ventilasi serta kipas

saringan yang secukupnya bagi mewujudkan kesan tekanan negatif dalam ruang terbabit.

Di atas permintaan pihak pengurusan Parlimen, Menteri Kesihatan telahpun meluluskan tiga buah lokasi merokok di dalam bangunan Parlimen yang sedia diwartakan sebagai kawasan larangan merokok. Lokasi-lokasi ini adalah di dalam kafetaria awam, di ruang taman (*air well*) dan di bilik rehat berhampiran kafetaria bagi Ahli Parlimen. Setelah diteliti oleh anggota teknikal, pihak Kementerian berpuas hati dengan pematuhan terhadap kriteria yang ditetapkan bagi semua tempat-tempat merokok di bangunan Parlimen. Dengan demikian, mana-mana orang yang didapati merokok selain dari tempat-tempat yang telah ditetapkan, adalah melakukan kesalahan dan boleh diambil tindakan undang-undang iaitu denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun.

Di samping aktiviti penguatkuasaan, Kementerian Kesihatan melalui aktiviti pendidikan kesihatan secara berterusan telah menyatakan tempat-tempat yang dilarang merokok bagi memberi kesedaran kepada perokok supaya tidak menyalakan rokok di tempat yang dilarang. Orang ramai juga digalakkan untuk menegur mereka yang didapati merokok di kawasan larangan merokok untuk menghentikan perbuatan itu bagi melindungi kesihatan mereka yang tidak merokok yang berada di sekeliling mereka.

SOALAN NO. (45)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
(TANJONG)
TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula keperluan untuk memulihkan pilihan raya untuk Kerajaan Tempatan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, Kerajaan tidak berhasrat untuk memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan bagi pemilihan ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandangkan ia tidak selaras dengan undang-undang dan dasar sedia ada.

Untuk makluman, Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 176] memperuntukkan bahawa "*walaupun apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, semua peruntukan-peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah terhenti berkuatkuasa atau mempunyai kesan*".

Kementerian Perumahan dan Kerajaan (KPKT) turut berpandangan bahawa pilihanraya peringkat Kerajaan

Tempatan bukan penentu kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan PBT. Antara faktor yang menguji kecekapan PBT termasuklah kepimpinan yang dinamik, keanggotaan tenaga kerja yang berkemahiran dan terlatih, prosedur kerja yang mudah, perancangan bandar yang mapan, pengurusan sumber hasil dan kewangan yang cekap, pelaksanaan projek yang berkesan serta pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang telus. Pelbagai inisiatif penambahbaikan sedang dilaksanakan oleh KPKT bagi meningkatkan keberkesanan PBT.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L
MURUGESON
[IPOH BARAT]
TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ketidakefektifan, ketidakberkesanan keputusan Jemaah Menteri berhubung kes memeluk agama baru-baru ini serta bagaimanakah keputusan ini dapat diimplementasikan mengikut peruntukan undang-undang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Menurut Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4) Perkara 11, mengembangkannya. Berdasarkan peruntukan ini adalah jelas bahawa seseorang itu bebas memilih

agama yang hendak dianutinya dan tiada mana-mana orang boleh dipaksa untuk menganuti atau menukar agamanya. Walau bagaimanapun, Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada seseorang ibu atau bapa atau penjaga untuk menetapkan agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun.

Perkara ini telah pun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Subashini a/p Rajasingam v Saravanan a/l Thangathoray** [2008] 2 MLJ 147. Mengenai tafsiran perkataan "*parent*" dalam Fasal (4) Perkara 12 itu, Mahkamah Persekutuan dalam kes **tersebut** telah memutuskan bahawa perkataan "*parent*" itu membawa maksud mufrad ("*singular*") dan bukannya jamak ("*plural*"). Oleh itu, seseorang ibu atau bapa yang menukar agamanya mempunyai hak di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menetapkan agama anaknya yang berumur di bawah 18 tahun dan tidak timbul perbuatan memaksa seseorang kanak-kanak itu untuk menukar agamanya .

Jemaah Menteri bersetuju terhadap prinsip bahawa agama anak-anak adalah menurut agama asal ibubapa semasa perkahwinan. Oleh itu, tiada pertukaran agama secara automatik terhadap anak-

anak untuk mengikut agama baru salah seorang dari ibu atau bapa yang menganut agama Islam. Namun begitu, Kerajaan tetap akur kepada hak yang diberikan kepada ibu atau bapa menurut peruntukan yang sedia ada dan hak itu hendaklah dikekalkan dan tiada apa-apa pindaan dicadangkan terhadap peruntukan itu. Justeru, berdasarkan Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan, ibu atau bapa atau penjaga seorang kanak-kanak berhak untuk menentukan agama kanak-kanak itu.

Walaupun peruntukan Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan penentuan status agama anak yang berumur di bawah 18 tahun tidak dipinda, namun bagi mengatasi masalah hak jagaan anak dalam kes penukaran agama, pindaan akan dibuat kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Melalui pindaan-pindaan ini kebajikan anak-anak akan menjadi fokus utama dan bukan perbalahan ibu dan bapa mengenai hak jagaan. Adalah diharapkan melalui pindaan-pindaan itu, masalah

perundangan dan sosial yang berbangkit daripada pemeluk Islam oleh salah seorang pasangan bukan Islam seperti isu pembubaran perkahwinan, nafkah, hak jagaan anak dan pembahagian harta perkahwinan akan dapat diatasi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.06.2009

SOALAN NO : 47

Tuan Lim Guan Eng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan memberi kelulusan untuk jaminan RM5 bilion bagi penubuhan Tabung Kedaulatan Khazanah Pulau Pinang. Jika tidak, sila nyatakan mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai cadangan penubuhan Tabung Kedaulatan Khazanah Pulau Pinang. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan tidak dapat memberikan keputusan ke atas perkara yang dibangkitkan.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]

TARIKH : 30.06.2009

SOALAN : Y.B. Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan semula Bahasa Inggeris, bahasa antarabangsa, sebagai bahasa untuk digunakan dalam prosiding Parlimen untuk menunjukkan kepentingan mempunyai satu Parlimen bertaraf dunia.

CADANGAN JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 2 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 memperuntukkan bahawa Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi tertakluk kepada perlindungan yang terkandung dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia.

Walau bagaimanapun, bagi tujuan penggunaan dalam sidang Parlimen, terdapat pengecualiannya seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 5 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 di mana Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dan Yang di-Pertua Dewan Undangan mana-mana Negeri atau seseorang lain yang sedang menjalankan fungsi mana-mana jawatan itu boleh membenarkan seseorang anggota mana-mana Majlis Parlimen atau anggota Dewan Undangan Negeri menggunakan Bahasa Inggeris apabila memberikan ucapan kepada, ataupun apabila mengambil bahagian dalam kerja, Majlis Parlimen atau Dewan Undangan Negeri itu.

Bagi Dewan Rakyat khususnya, Peraturan 8 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dengan jelas menyatakan bahawa bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia, tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris.

Kerajaan berpandangan bahawa penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di dalam prosiding Parlimen harus diteruskan. Parlimen bertaraf dunia bukan hanya terletak pada penggunaan Bahasa Inggeris semata-mata, tetapi yang lebih penting adalah pada kualiti perbahasan.

Ns = 46

SJ.B/(110)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.06.2009

SOALAN NO : 49

Tuan Chong Chheng Jen (Bandar Kuching) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah hasil (*revenue*) yang diperoleh oleh Kerajaan daripada kegiatan penjualan empat nombor ekor dalam tahun 2008. Pada puratanya, berapa hasil (*revenue*) boleh didapati oleh Kerajaan dalam satu "draw" dari Da Ma Chai, Magnum, Toto dan Big Sweep ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hasil (*revenue*) yang diperoleh oleh Kerajaan daripada penjualan empat nombor ekor dalam tahun 2008 bagi enam (6) agensi nombor ramalan yang dilesenkan oleh Kerajaan adalah sebanyak RM1,316,005,520.76.

2. Secara purata, hasil (*revenue*) yang didapati oleh Kerajaan dalam satu cabutan (*draw*) dari Da Ma Chai, Magnum dan Toto

adalah sebanyak RM7,993,079,69 dan bagi Big Sweeps pula sebanyak RM1,996,345.03.

NO.SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM BIN
WAN**

ABDULLAH (KOTA BHARU)

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah urusan
Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya akan diadakan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, SPR dikehendaki mengulangkaji persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya setiap 8 tahun sekali selepas urusan persempadanan akhir selesai. Urusan tersebut perlu dilakukan berpandukan kepada Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Urusan terakhir persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya yang melibatkan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada tahun 2003. Ini bermakna SPR menurut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan boleh memulakan secara rasmi urusan persempadanan tersebut pada tahun 2011. Namun demikian, urusan pentadbiran seperti pengumpulan data dan maklumat untuk tujuan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya itu telah dimulakan pada tahun 2009.

Manakala bagi negeri Sarawak pula, urusan persempadanan terakhirnya ialah pada tahun 2005 dan urusan seterusnya mengikut kehendak Perlembagaan Persekutuan akan dijalankan pada tahun 2013.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]
TARIKH : 30 JUN 2009
RUJUKAN : 1962

SOALAN:

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan ada kemungkinan levi tidak dinaikkan bulan Ogos 2009 ke atas levi yang sudah pun tinggi sekarang untuk mengambil pekerja asing dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kota Kinabalu di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan bercadang menaikkan kadar levi dua kali ganda ialah sebagai satu mekanisme untuk mengurangkan kebergantungan industri terhadap pekerja asing apabila kos bagi menggaji pekerja asing meningkat dan majikan diharap dapat memperkenalkan struktur gaji serta faedah perkhidmatan yang lebih menarik kepada pekerja tempatan. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya telah ditangguhkan setelah mengambil kira situasi semasa ekonomi dan pandangan pihak industri.

**DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH
[DUNGUN]

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Matulidi Bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah pencerobohan hutan oleh warga asing terutamanya warga Thailand untuk mencari kayu gaharu dan memburu binatang buas.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini memandang berat mengenai kegiatan pencerobohan hutan oleh warga asing terutamanya kegiatan mencari gaharu kerana kesan negatifnya terhadap biodiversiti, kualiti hutan dan alam sekitar. Sehubungan itu, Jabatan Perhutanan telah memberi perhatian serius dan komited terhadap usaha yang berterusan dengan melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- i) Memperkemarkan mekanisme pengusahaan gaharu yang dijalankan secara berkekalan dengan menggubal dan melaksanakan *Standard Operating Procedure (SOP)* Kaedah Perlesenan dan Pemantauan/ Kawalan Pengusahaan Karas (*Aquilaria malaccensis*). Di samping itu, SOP berkenaan juga menetapkan tatacara bagi mengawal pengeluaran gaharu dan menjalankan penguatkuasaan ke atas kegiatan mencuri gaharu di Semenanjung Malaysia;
- ii) Mengenalpasti kawasan yang sering berlakunya kegiatan mencari kayu gaharu dengan mempertingkatkan aktiviti rondaan dan pemantauan ke atas kawasan berkenaan dalam usaha mengesan dan mencegah sebarang kegiatan mencari gaharu;
- iii) Menggunakan teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) dan sistem maklumat geografi (*Geographic Information System - GIS*) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan khususnya dalam mengesan kawasan yang berisiko tinggi; dan
- iv) Menggalakkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku.

Selain itu, untuk mengatasi masalah pendatang asing yang menceroboh kawasan hutan untuk memburu binatang buas. Jabatan PERHILITAN telah dan akan terus melaksanakan beberapa langkah kawalan dan pencegahan seperti berikut:

- i. Mewujudkan Program Penguatkuasaan khusus untuk Taman Negara secara berterusan. Bermula April 2006 tiga pasukan (6 anggota setiap pasukan) telah ditugas secara bergilir mengawal

kawasan yang dikenalpasti menjadi pintu masuk oleh warga asing ke kawasan Taman Negara Pahang, Kelantan dan Terengganu;

- ii. Mengadakan operasi bersama Jabatan PERHILITAN dan Angkatan Tentera Malaysia untuk membanteras kegiatan pencerobohan;
- iii. Mewujudkan *Task Force* antara agensi penguatkuasa seperti Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Jabatan Polis, ATM, APMM, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perikanan dan Jabatan PERHILITAN bagi menangani jenayah hidupan liar. *Task Force* ini akan diwujudkan di peringkat negeri bagi mengawal kegiatan penyeludupan biodiversiti negara;
- iv. Mendakwa penceroboh yang ditangkap ke mahkamah; dan
- v. Mempertingkatkan kesedaran awam melibatkan penduduk setempat tentang kepentingan menjaga khazanah negara; dan

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

TARIKH : 30 Jun 2009

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a) butir emolumen dan kemudahan yang diterima bekas Perdana Menteri, Y.B. Kepala Batas sebagai Penasihat Koridor dan Penasihat MAS; dan
- (b) adakah benar sebuah banglo dianggarkan lebih RM40 juta akan dibina di Jalan Mahameru, Kuala Lumpur, sebagai ehsan Kerajaan kepada bekas Perdana Menteri itu.

JAWAPAN :


Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai penasihat Koridor dan Penasihat MAS, bekas Perdana Menteri, yang juga YB Kepala


Batas akan dibayar elaun bulanan serta kemudahan-kemudahan lain seperti elaun hotel, perjalanan dan sebagainya semasa menjalankan tugas-tugas rasmi. Kemudahan-kemudahan ini adalah tertakluk kepada keistimewaan kepada Bekas Perdana Menteri seperti dinyatakan dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan), 1980 (Akta 237). Buat masa ini, terma elaun dan kemudahan-kemudahan berkenaan belum dimuktamadkan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mengikut Akta Ahli Parlimen (Saraan), 1980 (Akta 237), antara elaun dan keistimewaan bagi bekas Perdana Menteri yang perlu disediakan oleh pihak Kerajaan adalah menyediakan sebuah Rumah Kerajaan. Walau bagaimanapun, buat masa ini keputusan mengenai pemberian keistimewaan ini masih belum dimuktamadkan.

Disediakan oleh:


MOHD JAMALLUDIN KASBI
Bahagian Kewangan
dan Pembangunan
Jabatan Perdana Menteri
Bertarikh: 26 Jun 2009

Disempak oleh:


DATO' ZAINOL OTHMAN
Timbalan Ketua Setiausaha
Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Bertarikh: 26 Jun 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

TARIKH: 30 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [Batang Sadong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah sebab sambutan terhadap program “Latih dan Tempatkan” kurang mendapat sambutan di kalangan pekerja yang dibuang kerja seramai 18,000 orang.

PR-022-L19107

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program “Latihan dan Penempatan” berikutan kelembapan ekonomi dunia yang telah mengakibatkan graduan sukar memperoleh pekerjaan dan ramai pekerja diberhentikan. Sebanyak RM220 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi memberi latihan dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh industri/sector.

Program latihan yang sedang dan akan dilaksanakan adalah berdasarkan kepada:

- Kekosongan jawatan (*job vacancies*)
- Keperluan majikan (*customized to the need of companies*)

- Ke arah bekerja sendiri (*lead to self employment*)

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut rekod Kementerian Sumber Manusia (KSM) sehingga 19 Jun 2009, seramai 3,607 peserta telah menyertai program “Latihan dan Penempatan” di seluruh negara termasuk 628 pekerja yang diberhentikan.

Antara faktor yang dikesan menjadi punca program ini kurang mendapat sambutan adalah :

- Kebanyakan pekerja yang diberhentikan tidak bersedia untuk bekerja ditempat lain serta di industri yang berlainan
- Pekerja yang diberhentikan lebih berminat untuk terus bekerja daripada mengikuti program latihan kerana jumlah elaun yang dibayar adalah kecil berbanding gaji mereka terdahulu
- Ramai pekerja yang diberhentikan adalah dikalangan yang berusia dan mereka mengambil keputusan untuk bersara
- Pekerja yang diberhentikan mengambil keputusan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan/bekerja sendiri.

Kementerian sentiasa berusaha untuk mempergiatkan promosi program ini di seluruh negara seperti Program Penempatan Pekerjaan di peringkat negeri dan daerah. Kementerian akan terus melaksanakan program ini dan berusaha untuk memastikan ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pekerja tempatan yang telah diberhentikan, siswazah menganggur dan belia.

SOALAN NO. (55)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah penguatkuasaan Seksyen 33 (Mendapatkan Tunggakan Caj). Akta 663 (Akta Bangunan dan Harta Bersama – Penyelenggaraan dan Pengurusan) yang menyebabkan kegagalan pengurusan dan penyelenggaraan kebanyakan rumah-rumah pangsa bertingkat di seluruh negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pihak pengurusan yang gagal menjalankan tugas pengurusan kerana tidak mempunyai tabungan modal yang cukup. Ianya disebabkan oleh pemilik petak yang gagal membayar caj penyenggaraan bulanan. Dengan kekurangan wang dalam Tabung Pengurusan, Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata gagal berfungsi dengan sempurna. Faktor-faktor utama lain yang menyumbang kepada kegagalan pihak pengurusan adalah:

1. Tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pihak pengurusan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam menguruskan sesebuah bangunan tersebut.

2. Proses peralihan daripada Pemaju kepada Badan Pengurusan Bersama yang tidak sempurna.
3. Jawatankuasa yang dilantik tidak mendapat sokongan penduduk.

Seksyen 33 dalam Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) telah menjelaskan tindakan yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah kutipan tunggakan caj penyenggaraan ini iaitu dengan cara menyita harta mudah alih pemilik dan seterusnya melelong harta tersebut bagi tujuan menyelesaikan tunggakan caj penyenggaraan tadi. Sekiranya terdapat lebihan, ianya akan dikembalikan semula kepada akaun pemilik petak tersebut.

Tindakan menyita di bawah seksyen 33 telah mula dilaksanakan pada peringkat permulaan. Pegawai Unit Pesuruhjaya Bangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mula mengeluarkan Borang A (Notis Untuk Membayar Tunggakan) Seksyen 33 (2) secara pentadbiran

kepada pemilik petak . Walau bagaimanapun, pengeluaran Borang A ini adalah berdasarkan permohonan daripada Badan (JMB/Pemaju). Sebahagian daripada pemilik petak telah mula menjelaskan bayaran tunggakan hasil daripada pelaksanaan tersebut.

Satu Garis Panduan berkaitan tindakan sita dan lelong dibawah Akta 663 akan dikeluarkan kepada semua PBT dalam masa terdekat bagi tujuan memudahkan petugas-petugas Pesuruhjaya Bangunan bertindak dengan cara yang lebih teratur dan berkesan.

Pada masa ini juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang melakukan beberapa usaha kearah memantapkan lagi pelaksanaan Akta 663 ini seperti:-

1. Menubuhkan Jawatankuasa Pindaan Akta 663 yang terdiri daripada Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, Jabatan Kerajaan dan Pesuruhjaya Bangunan di kawasan PBT.

2. Menubuhkan Jawatankuasa Bersama antara Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Jabatan Perumahan Negara bagi menyelaraskan peruntukan undang-undang berkaitan pengurusan bangunan yang mempunyai hakmilik strata.

3. Satu Garis Panduan Komprehensif akan diedarkan dalam masa terdekat ini berkaitan Akta 663 sebagai panduan kepada petugas-petugas Pesuruhjaya Bangunan untuk mengambil tindakan melaksanakan proviso di dalam Akta 663.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y. B. TUAN HAJI AHMAD KASIM (KUALA
KEDAH)
TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : **Y. B. TUAN HAJI AHMAD KASIM** minta
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan:

(a) Adakah kajian telah dibuat secara terperinci mengenai kualiti bahan input subsidi pertanian racun perosak yang diberikan kepada pesawah khususnya dalam Kawasan Muda (MADA); dan

(b) Adakah Kerajaan berhasrat untuk mempelbagaikan bahan input subsidi pertanian ini supaya pesawah dapat memanfaatkan kupon subsidi ini secara maksimum.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawapan A

Kualiti bahan input racun perosak yang dibekalkan oleh Kerajaan ke seluruh negara termasuk di kawasan MADA adalah dikawal melalui penguatkuasaan Akta Racun Makhluk Perosak dan berdaftar dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak.

Sebelum sesuatu racun makhluk perosak didaftarkan di bawah Lembaga Racun Makhluk Perosak, kajian akan dijalankan bagi memastikan racun-racun ini mematuhi standard-standard antarabangsa dan mematuhi kehendak-kehendak *Good Laboratory Practice (GLP)*. Selain itu, kajian lain seperti sifat-sifat kimia dan fizikal, kesan pada alam sekitar, sisa baki, kemujaraban dan toksikologinya juga perlu dijalankan berdasar kepada Garis Panduan yang disediakan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak, selaras dengan garis panduan FAO iaitu "*International Code of Conduct on the Distribution and Use of Pesticides*". Tujuan utama kajian-kajian dijalankan adalah bagi memastikan yang racun-racun ini memenuhi kriteria seperti berikut:

- (i) tidak meninggalkan kesan toksik jangka pendek dan jangka panjang kepada manusia, binatang dan alam sekitar;
- (ii) tidak menimbulkan masalah sisa baki di dalam tanam-tanaman dan makanan;
- (iii) berkesan untuk tujuan kawalan makhluk perosak yang dimaksudkan; dan
- (iv) bermutu dari sifat kimia dan fiziknya.

Hasil kajian racun-racun ini akan dibentangkan di mesyuarat Jawatan Kuasa Teknikal di bawah Lembaga Racun Makhluk Perosak. Pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak dari masa ke semasa akan memantau kualiti racun makhluk perosak dengan mengambil sampel-sampel untuk dianalisis.

Jawapan B

Input subsidi pertanian racun perosak merupakan salah satu bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada petani di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara. Kadar bantuan input pertanian racun perosak yang diberikan kepada semua petani di Malaysia khususnya di Kawasan MADA ialah sebanyak RM200/ha yang diberikan di dalam bentuk kupon.

Di kawasan MADA, Kerajaan telah menetapkan tiga (3) kumpulan racun sahaja yang diberikan kepada petani iaitu racun kulat, racun tikus dan racun siput gondang emas (SGE).

Pada masa ini Kerajaan tidak merancang untuk mempelbagaikan bahan input subsidi yang boleh diperolehi melalui kupon ini. Ini kerana bahan input yang lain telah diberikan di bawah program dan skim bantuan lain. Di antara bahan input yang telah diberikan oleh Kerajaan ialah

(i) **Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)**

Kadar bantuan yang diberikan ialah 240kg setiap hektar bagi baja sebatian (12 beg@ 20kg/beg) dan 100kg setiap hektar baja urea (5beg@ 20kg/ beg).

(ii) **Insentif Pengeluaran Padi**

Di bawah insentif ini, Kerajaan membantu petani dengan memberikan Bantuan Baja Tambahan dan Bantuan Upah Bajak. Bagi Baja Tambahan, kadar yang diberikan ialah sebanyak RM140/ha/musim manakala bagi Bantuan Upah Bajak pula, kadar bantuan yang diberikan oleh Kerajaan ialah sebanyak RM100/ha/musim.

(iii) **Baja Tambahan NPK**

Baja tambahan NPK diberikan kepada petani dengan kadar RM400/ ha (3 beg @ 50kg setiap beg)

(iv) **Kapur**

Kapur dengan kadar RM850/ha diberikan bagi menambah kesuburan tanah

Oleh yang demikian, tindakan mempelbagaikan bahan input subsidi yang boleh diperolehi melalui kupon ini adalah tidak wajar dilakukan kerana ia telah pun diberikan melalui program dan skim yang lain.

NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN : [57]

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]

TARIKH : 30 Jun 2009

SOALAN : Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan Tan Sri Ghazzali Sheikh Khalid dan Datuk Jamaluddin Jarjis disenaraipendekkan untuk pelantikan sebagai Duta ke Amerika Syarikat

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Marang (Selasa, 16 Jun 2009), Y.B. Jelutung (Rabu, 17 Jun 2009) dan Y.B. Ipoh Timur (Selasa, 30 Jun 2009) secara serentak kerana didapati soalan-soalan yang diutarakan Yang Berhormat – Yang Berhormat berkenaan adalah berkisar mengenai perkara yang sama dan saling berhubung kait.

Tuan Yang Dipertua dan Yang Berhormat – Yang Berhormat Ahli Dewan,

Perlantikan seseorang Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke seberang laut kadang kala mengambil masa yang panjang kerana perlu melalui beberapa peringkat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Negara, Perdana Menteri dan seterusnya mendapatkan perkenan SPB Yang Di-Pertuan Agong. Calon ini kemudiannya akan dikemukakan kepada negara tuan rumah untuk mendapatkan persetujuan sebelum perlantikan secara rasmi dapat dilaksanakan. Proses ini biasanya memakan masa yang panjang sehingga tiga bulan atau lebih.

Seseorang calon yang dilantik sebagai Ketua Perwakilan Malaysia yang bertaraf Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi dari kalangan '*career diplomats*' haruslah terdiri daripada penjawat awam kanan

yang memiliki '*merits*' dari segi pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa.

Seseorang calon Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi yang bakal dilantik adalah merupakan penjawat awam yang telah berkhidmat di Sektor Luar Negeri bagi tempoh sekurang-kurangnya 20 tahun dan telah berkhidmat dengan cemerlang. Penjawat-penjawat awam berkenaan merupakan mereka yang telah menjalani pelbagai pendedahan dan latihan yang berterusan di dalam dan di luar negara.

Dalam keadaan tertentu, Kerajaan juga melantik secara '*political appointment*' Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi yang terdiri dari kalangan ahli politik, ahli perniagaan, bekas pegawai tinggi Kerajaan atau personaliti tertentu yang difikirkan mempunyai kepakaran yang khusus dan mampu meningkatkan hubungan dua hala dan diplomasi di antara Malaysia dengan negara sahabat.

Sebagai sebuah Kementerian yang menguruskan dan menentukan hala tuju hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara asing, Wisma Putra perlu meletakkan Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi yang berkelayakan terutamanya di negara-negara strategik seperti United Kingdom, Jepun, China, Arab Saudi dan Amerika Syarikat. Sehubungan ini, sama ada seseorang bakal Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi itu adalah dari kalangan diplomat profesional (*career diplomat*, dengan izin) atau lantikan politik bukan lagi suatu isu besar sebaliknya Kerajaan lebih menekankan aspek merit calon-calon yang layak.

Seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia masih lagi belum mengisi kekosongan jawatan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat apabila bekas Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat Datuk Dr. Rajmah binti Hussein menamatkan perkhidmatannya pada 20 Jun 2008. Namun begitu, ini tidak bermakna Kerajaan tidak memandang serius dalam menempatkan seseorang Duta Besar yang baru ke negara berkenaan apatah lagi apabila negara-negara asing yang lain berlumba-lumba memperkukuhkan hubungan dua hala masing-masing dengan kepimpinan baru Amerika Syarikat.

Selain itu, tahun 2008 merupakan tahun pemilihan presiden baru Amerika Syarikat yang menyaksikan seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pilihanraya negara tersebut. Perubahan besar-besaran pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat selepas pilihanraya sedikit sebanyak mempengaruhi kriteria-kriteria calon Duta Besar yang bakal dilantik malah proses mendapatkan persetujuan penerimaan calon juga memakan masa yang lebih panjang. Oleh yang demikian, adalah wajar pemilihan calon dan urusan pencalonan bakal Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat perlu dibuat secara lebih berhati-hati dan teliti supaya beliau merupakan personaliti yang dapat diterima baik oleh pentadbiran baru Amerika Syarikat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]
TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN :

Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) adakah Kementerian memeriksa untuk menentukan bahawa bahan makanan ikan yang diternak oleh pengusaha-pengusaha ikan kolam seluruh negara adalah halal; dan
- (b) berapa kes-kes yang telah didakwa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Perkara ini wajar dibawa kepada pengetahuan agensi yang berkaitan atau pihak pengguna boleh memaklumkan kepada HDC supaya tindakan

NO SOALAN: 58

pensampelan dan analisis dapat dijalankan dalam menentukan kesahihan perkara tersebut.

- (a) Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke 73 pada 4 – 6 April 2006 : “Ikan yang dipelihara didalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya”.
- (b) Setakat ini tiada kes yang didakwa.

Disediakan oleh:

(Puan Mariam Abdul Latif)

Naib Presiden

Bahagian Halal Integriti

Halal Industry Development Corporation (HDC)

No. Telefon : 03-7965 5562

Diluluskan oleh :

Y.Bhg. Dato' Seri Jamil Bidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Halal Industry Development Corporation (HDC)

No. Telefon : 03-7965 5503

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

TARIKH: 30 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [Permatang Pauh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah dan kadar pengangguran mengikut negeri-negeri. Apakah kesan pakej rangsangan yang dilaksanakan setakat ini dapat menangani masalah peningkatan jumlah dan kadar pengangguran ini.

PR-022-L18929

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran aktif negara bagi tahun 2008 adalah 368,500 orang atau 3.3 peratus. Pada suku ketiga tahun 2008, kadar pengangguran adalah 343,700 orang atau 3.1 peratus. Jumlah dan kadar pengangguran mengikut negeri-negeri pada tahun 2008 adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan	Kadar Pengangguran (%)
Johor	29,300	2.2
Kedah	27,000	3.8
Kelantan	14,500	2.9
Melaka	3,200	1.1
Negeri Sembilan	12,200	3.1
Pahang	15,800	2.6
Pulau Pinang	13,400	2.0
Perak	33,600	3.8
Perlis	2,500	2.9
Selangor	67,800	3.1
Terengganu	13,200	3.4
Sabah	63,800	4.9
Sarawak	51,300	5.3
W.P Kuala Lumpur	18,800	2.7
W.P Labuan	1,900	5.6
Jumlah	368,300	3.3

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi, Kementerian telah disediakan peruntukan oleh Kerajaan bagi melaksanakan Program bagi Pekerja Yang Diberhentikan, Graduan Menganggur, Belia, JobsMalaysia Centre (JMC),/ Community-Based Employment Support Service (CESS), Kursus Modular dan *Job Creation* bagi membantu pekerja yang hilang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran. Program tersebut telah berjaya membantu pekerja yang diberhentikan kerja mendapat pekerjaan serta mengurangkan pengangguran terutamanya yang disebabkan oleh krisis ekonomi global yang melanda negara. Ini dapat dilihat dari bilangan penempatan yang berjaya dibuat melalui program tersebut. Bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 24 Jun 2009 Kementerian telah berjaya membuat **20,049** penempatan pekerjaan. Bilangan penempatan ini dijangka akan meningkat apabila pelatih yang sedang mengikuti latihan kemahiran dan

penempatan di bawah program pakej rangsangan tersebut menamatkan kursus mereka dengan jayanya dan dibuat penempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Rashid Bin Din (Merbok) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa banyak dana diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada setiap negeri untuk membantu keluarga termiskin, OKU, Ibu Tunggal dan sebagainya. Dari Jumlah ini berapakah yang dipergunakan untuk kos program "cari-cari", khususnya di mana ahli parti BN telah digunakan sebagai pegawai kontrak untuk mencari penerima bantuan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan kewangan bantuan kebajikan bagi tahun 2009 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu golongan yang berkeperluan termasuklah keluarga termiskin, OKU, Ibu Tunggal dan sebagainya adalah

sebanyak RM527,820,800.00. Agihan peruntukan kewangan bantuan kebajikan mengikut negeri adalah seperti berikut:

1.	Perlis	-	RM11.4 juta
2.	Kedah	-	RM47.6 juta
3.	Pulau Pinang	-	RM34.0 juta
4.	Perak	-	RM42.0 juta
5.	Selangor	-	RM43.1 juta
6.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	RM47.0 juta
7.	Negeri Sembilan	-	RM29.8 juta
8.	Melaka	-	RM31.5 juta
9.	Johor	-	RM45.4 juta
10.	Pahang	-	RM37.2 juta
11.	Terengganu	-	RM38.6 juta
12.	Kelantan	-	RM57.2 juta
13.	Sabah	-	RM33.7 juta
14.	Sarawak	-	RM28.5 juta
15.	Wilayah Persekutuan Labuan	-	RM0.8 juta

Dari jumlah tersebut, sebanyak RM20.1 juta telah disalurkan kepada 84,486 orang penerima bantuan yang dikesan melalui Projek CARI dan diluluskan bantuan mulai Julai 2008 hingga Jun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menjayakan Projek CARI, pihak Kementerian melalui JKM telah melantik seramai 911 Pembantu Pembangunan Masyarakat Sambilan. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM21 juta kepada Kementerian untuk tujuan pembayaran gaji, tuntutan kerja lebih masa dan tuntutan perjalanan pekerja-pekerja sambilan Projek CARI. Adalah tidak benar sama sekali dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa ahli parti Barisan Nasional telah digunakan sebagai pegawai kontrak untuk mencari penerima bantuan. Kerajaan BN tidak sama sekali menggunakan taktik sedemikian untuk meraih sokongan rakyat.

SOALAN NO: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]
TARIKH : 30 JUN 2009
RUJUKAN : 1887

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang supaya mereka yang mengambil daun ketum, menghidu gam dan tahi lembu boleh didakwa dan dihukum; dan

(b) berapa banyak lagi pil-pil yang mengkhayalkan yang belum lagi disenaraikan di bawah "Poison Act".

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Putatan** yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, menyedari masalah tersebut, pihak Kementerian Dalam Negeri sedang menggubal draf Rang Undang-Undang Bahan Yang Mengkhayalkan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Kimia.

Penekanan akan diberikan kepada usaha-usaha mengadakan peruntukan mengenai pencegahan, rawatan, pemulihan dan pengawasan penyalahgunaan bahan-bahan mengkhayalkan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini akan dinamakan Akta Bahan Mengkhayalkan.

Tuan Yang Dipertua,

Pil-pil yang mengkhayalkan sukar untuk disenaraikan secara menyeluruh (*exhaustive*) kerana pil-pil tersebut direka dalam makmal dan sentiasa diubah ramuan atau fomulasinya. Walau bagaimanapun berdasarkan daripada maklumbalas pelbagai pihak dan juga dengan mengambil kira kepada persekitaran semasa seperti potensi atau

tahap ancaman kepada masyarakat, pindaan kepada jadual-jadual dalam Akta Racun dan juga Akta Dadah Berbahaya 1952 akan dibuat mengikut keadaan dan keperluan semasa.

Di samping itu, ubat-ubat yang digunakan dalam rawatan perubatan perlu berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) iaitu badan yang mendaftarkan ubat-ubat ini akan memaklumkan kepada Lembaga Racun (badan yang ditubuhkan di bawah Akta Racun 1952 sebagai penasihat kepada Menteri Kesihatan berhubung senarai racun) sebarang entiti kimia baru yang didaftarkan oleh mereka untuk dimasukkan dalam Senarai Racun. Melalui cara ini, semua bahan-bahan yang memerlukan kawalan akan sentiasa dikemaskini di bawah Akta Racun 1952.

Malaysia juga tertakluk di bawah konvensyen-konvensyen antarabangsa seperti *Single Convention on Narcotic Drugs* 1961, *Convention on Psychotropic Substances* 1971, dan *Convention against Illicit Traffic in Narcotic Drugs and Psychotropic Substances* 1988 yang mana kesemua bahan-bahan yang dikawal di bawah konvensyen-konvensyen ini telah disenaraikan di bawah Senarai Racun dalam Jadual Pertama, Akta Racun 1952 dan di bawah Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG
KERIAN)**

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN

Y.B. Tuan Salahuddin bin Haji Ayub (Kubang Kerian) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah projek pembinaan Jambatan Bengkok akan dikaji semula dan adakah Kerajaan bersedia untuk mengadakan rundingan semula mengenai perkara itu dengan Kerajaan Singapura.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang membina jambatan untuk menggantikan Tambak Johor. Sungguhpun demikian, Kerajaan sentiasa memantau kelancaran pergerakan orang ramai, barangan dan perkhidmatan di antara Malaysia dan Singapura melalui Tambak Johor untuk membolehkan Kerajaan bertindak menambahbaikkan serta memudahkan pergerakan kenderaan, barangan dan orang ramai di antara kedua-dua negara. Tindakan ini termasuklah pertimbangan cadangan pembinaan jambatan baru pada masa yang sesuai di masa hadapan.

SOALAN NO: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 30 JUN 2009

RUJUKAN : 1888

SOALAN:

**Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian mengesan
sebarang usaha untuk menghidupkan komunisme di negara ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat perisikan yang diperolehi setakat ini, tidak ada bukti kukuh yang menunjukkan terdapat usaha-usaha giat pihak tertentu untuk menyebarkan atau menghidupkan kembali ideologi atau kegiatan komunis di dalam negara. Namun begitu, Kerajaan sentiasa peka dan siapsiaga terhadap sebarang kemungkinan atau ancaman. Kerajaan juga akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam dengan menghidupkan kembali fahaman atau kegiatan subversif komunis yang mendokong keganasan.

NS 64

SJ.B/(112)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.06.2009 SOALAN NO: 64

Dato' Ibrahim Bin Ali (Pasir Mas) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Ke-2 yang bernilai RM600 juta bagi projek kecil di bawah Pengurusan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) dan daripada jumlah tersebut berapa banyak peruntukan untuk kawasan Parlimen Pasir Mas P022. Ini kerana kawasan Parlimen Pasir Mas adalah masih mundur lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi Program Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama adalah berjumlah RM600 juta manakala di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM500 juta. Bagi kedua-dua pakej ini, Negeri Kelantan telah diluluskan peruntukan berjumlah RM73.8 juta. Semua 714 projek PIA dan PIAS di Negeri Kelantan telah

ditawarkan dan dalam peringkat pelaksanaan. Daripada bilangan projek tersebut sebanyak 351 projek telah siap dengan perbelanjaan berjumlah RM24.9 juta atau 33.7%. Projek-projek yang siap meliputi semua kawasan Parlimen di Negeri Kelantan termasuk Pasir Mas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN : **[65]**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman**
[Pandang]

TARIKH : **30 Jun 2009**

SOALAN : **Y.B. Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman**
[Pandang] minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah tindakan yang sedang
diambil oleh pihak Kementerian kepada
akhbar luar negara di dalam menyebarkan
berita palsu terhadap pemimpin negara demi
untuk menjaga integriti dan imej negara di
mata dunia dan umat Islam.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

2. Memandangkan ada tiga soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ditujukan kepada Kementerian Luar Negeri iaitu daripada Y.B. Dato' Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena), Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) dan Y.B. Dr. Haji Hayati bin Othman (Pendang) yang menyentuh perkara mengenai Media Asing yang cuba memburuk atau mencelar nama Perdana Menteri dan negara, maka saya memohon izin untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut secara serentak dan bersekali oleh kerana perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan.

3. Kementerian Luar Negeri, diperingkat Ibu Pejabat dan melalui Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa memantau laporan-laporan Media Asing mengenai laporan-laporan yang disiarkan yang menyentuh kepentingan negara termasuk tentang para pemimpinnya.

4. Sehubungan ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa menyalurkan maklumat-maklumat mengenai latarbelakang sesuatu isu yang dibangkitkan kepada Perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut dan menegaskan pendirian Kerajaan terhadap isu yang berkaitan.

5. Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara berkenaan akan diminta menyalurkan maklumat-maklumat tersebut dengan memberikan penerangan mengenai keadaan sebenar sesuatu isu yang dibangkitkan kepada pihak media tempatan di luar negara itu, dalam usaha menyangkal berita-berita

yang menjejaskan nama baik para pemimpin negara dan juga Malaysia secara keseluruhannya.

6. Jika perlu, Kementerian juga akan menyediakan jawapan atau *rebuttal* yang khusus untuk membidas dan menyangkal dakwaan yang tidak benar yang disebarkan oleh Media Asing mengenai Malaysia, termasuklah isu-isu yang menyentuh integriti dan imej negara di mata dunia.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Kementerian Luar Negeri sentiasa mengambil tindakan segera untuk memberi penjelasan atau menangkis sebarang laporan Media Asing atau mana-mana pihak yang mempunyai persepsi yang salah terhadap Malaysia dan juga para pemimpinnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : NO. 66

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pemohon yang telah memanfaatkan skim pembiayaan untuk pengajian ijazah lanjutan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 1 Jun 2009 sebanyak 4,087 permohonan telah diterima. Dari jumlah tersebut, sebanyak 2,873 pemohon diberi tawaran, sementara 754 masih dalam proses semakan. Daripada jumlah 2,873 yang mendapat tawaran, sebanyak 2,685 adalah bagi pengajian peringkat Sarjana dan 188 peringkat PhD. Bilangan ini dijangka akan terus meningkat dari masa ke semasa memandangkan permohonan dibuka sepanjang masa dan tiada tarikh tutup permohonan ditetapkan sehingga sasaran asal sebanyak 4,750 tajaan iaitu 4,500 peringkat Sarjana dan 250 peringkat PhD bagi tahun 2009 berjaya dicapai.

SOALAN NO: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]
TARIKH : 30 JUN 2009
RUJUKAN : 1889

SOALAN:

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bahawa demonstrasi sudah menjadi satu cara rakyat di negara ini menunjukkan rasa tidak puas hati kepada sesuatu perkara walaupun ada ISA, mereka masih berani menghasut dan mengganggu ketenteraman awam. Adakah Kerajaan bercadang untuk meminda ISA dan lain-lain undang-undang khususnya hukuman kepada mereka yang menderhaka kepada Raja dan Sultan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan dari Yang Berhormat Nibong Tebal bertarikh 15 Jun 2009, Yang Berhormat Batu bertarikh 23 Jun 2009, Yang Berhormat Rantau Panjang bertarikh 29 Jun 2009 dan Yang Berhormat Bukit Katil bertarikh 30 Jun 2009 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan antara satu sama lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor, Nibong Tebal, Batu, Rantau Panjang dan Bukit Katil yang telah mengemukakan soalan-soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960, memandangkan undang-undang tersebut masih lagi relevan dan terpakai dalam suasana keselamatan dan ketenteraman awam semasa negara ketika ini.

AKDN 1960 perlu dikekalkan kerana keberkesanannya di dalam mencegah sebarang perbuatan, kegiatan atau aktiviti berbentuk subversif ataupun yang boleh mengancam atau memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Di samping itu, daripada forum-forum yang diadakan oleh Kementerian, maklumbalas yang diterima menunjukkan sebahagian besar masyarakat masih merasakan bahawa AKDN 1960 itu masih relevan dan tidak bersetuju akta tersebut dimansuhkan.

Kerajaan, walau bagaimanapun, telah mengambil beberapa langkah perlu di dalam mengkaji semula peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Akta ini, bagi tujuan penambahbaikan. Kementerian juga telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi maksud ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian melalui peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah bertanggung-jawab untuk mengawal selia bahan-bahan bercetak supaya tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan dari aspek ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau yang berlawanan dengan undang-undang dan mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Namun demikian, Kementerian sedang meneliti Akta berkenaan bagi memastikan peruntukan-peruntukan sedia ada adalah selaras dengan keperluan semasa.

SOALAN NO: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP
BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN]**
TARIKH : 30 JUN 2009
RUJUKAN : 1890

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status perkahwinan dalam mahkamah anak negeri di Sabah dan adakah perkahwinan ini perlu lagi didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status perkahwinan dalam Mahkamah Anak Negeri di Sabah adalah sah dan tidak perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara.

Seksyen 4 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 telah memperuntukkan bahawa Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 tidak boleh dipakai bagi seseorang bumiputra Sabah atau Sarawak atau Orang Asli Malaysia Barat yang perkahwinan dan perceraian mereka dikawal oleh undang-undang adat istiadat masing-masing melainkan jika dia memilih untuk berkahwin di bawah Akta tersebut.

Saya ingin menjelaskan di sini, bahawa perkahwinan mengikut adat istiadat bumiputra Sabah yang disahkan oleh Mahkamah Anak Negeri Sabah adalah diiktiraf oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Walau bagaimanapun, pasangan tersebut boleh mendaftarkan perkahwinan mereka di bawah Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 30 JUN 2009

RUJUKAN : 1891

SOALAN:

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes jenayah (violent and properties) dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan berapakah jumlah dan peratusan orang asing yang terlibat (mengikut jenis jenayah). Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kanowit yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah kes jenayah dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2004 hingga bulan April 2009 adalah **161,753 kes** bagi jenayah kekerasan dan **840,463 kes** jenayah harta benda . Dari jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh yang sama bagi jenayah kekerasan adalah **532 kes atau 5.46%** dan **10,957 kes atau 1.3%** bagi jenayah harta benda melibatkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar mengenai situasi jenayah di negara ini namun ianya masih terkawal. Pihak polis telah mengambil langkah drastik dalam menangani jenayah di seluruh negara. Di antara langkah jangka pendek yang diambil adalah :

- 1) Menghantar lebih ramai lagi pegawai serta anggota tambahan ke kawasan-kawasan yang kerap berlaku kes jenayah.

- 2) Mempelbagaikan kaedah rondaan seperti menggunakan kereta peronda MPV, rondaan bermotosikal dan anggota bit secara berjalan kaki bagi kawasan-kawasan sesak dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan.
- 3) Mengadakan kempen-kempen, ceramah-ceramah dan pameran-pameran berkaitan jenayah masa kini.
- 4) Mengadakan Operasi Bersepadu bersama-sama dengan Jabatan Imigresen, RELA dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di kawasan perairan Malaysia dan persisiran pantai yang disyaki menjadi tumpuan kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) .
- 5) Menggunakan sistem biometrik di pintu-pintu masuk utama yang sah bagi mengesan kemasukan warga asing yang disyaki terlibat dengan jenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi langkah jangka panjang pula, tindakan pihak polis adalah seperti berikut :

- 1) Mengujudkan balai polis bergerak atau pondok polis komuniti di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan orang ramai dan mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Ini bagi menjamin kehadiran anggota polis secara konsisten di kawasan-kawasan tersebut.

- 2) Menjalinkan hubungan yang erat dengan masyarakat setempat seperti melalui program Rakan Cop, perjumpaan dengan kumpulan masyarakat, ahli jawatankuasa rukun tetangga dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi membanteras jenayah dengan lebih berkesan.
- 3) Pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) bagi memantau kegiatan jenayah di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah serta mempunyai kawasan liputan yang dapat dikesan dengan lebih pantas dan efektif terutama sekali dalam usaha mengesan penjenayah.
- 4) Membangunkan projek *Central Intelligence Unit (CIU)* yang bakal berfungsi sebagai gerbang maklumat bagi memantapkan mutu penyiasatan serta risikan. Ini bersesuaian dengan perkembangan trend dan modus operandi jenayah yang semakin kompleks dan sofistikated. Projek ini telah diluluskan di bawah PS5T (Pelan Strategik 5 Tahun) yang diberi nama *e-Police Solution* dan masih menanti tempoh untuk pelaksanaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]
TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN:

YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang impak Kesultanan Sulu di atas tuntutan hak kepada negeri Sabah serta sejauh manakah tuntutan ini mampu untuk digugurkan daripada terus menjadi pertikaian.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Sebelum penubuhan Malaysia diisytiharkan secara rasmi, Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meninjau pandangan penduduk Sabah dan Sarawak mengenai penyertaan Sabah dan Sarawak ke Malaysia. Suruhanjaya PBB yang diketuai oleh Lawrence Michaelmore telah membuat tinjauan tersebut dari 16 Ogos sehingga 5 September 1963. Berikutan dengan laporan PBB yang menunjukkan majoriti rakyat Sabah dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia, maka pada 16 September 1963 penubuhan Malaysia telah diisytiharkan secara rasminya.

Berikutan dengan penubuhan Malaysia secara rasmi pada 16 September 1963 Kerajaan Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan yang dibuat oleh Filipina, Kesultanan Sulu dan Brunei ke atas Sabah. Justeru, Kerajaan Malaysia tetap berpendirian untuk tidak melayan tuntutan-tuntutan tidak berasas tersebut.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. (71)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah pemaju yang tidak mengikut keputusan dan arahan Tribunal Perumahan dan masih belum didakwa ke Mahkamah. Berapakah pemaju dihukum oleh Mahkamah Tinggi kerana enggan mengikut keputusan Tribunal Perumahan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan sehingga 31 Mei 2009, bilangan pemaju perumahan yang tidak mematuhi Award yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) adalah sebanyak 288 pemaju.

Daripada jumlah tersebut, 272 pemaju masih ingkar di mana 4 pemaju telah disabitkan di mahkamah manakala 268 pemaju masih dalam tindakan pendakwaan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY**
(BATU KAWAN)
TARIKH : **30.06.2009**

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah terdapat penurunan ketara dalam bilangan Sekolah-Sekolah Tamil dari 1000 sebelum kemerdekaan ke 523 sekarang dan adakah Kerajaan bercadang untuk membina Sekolah-Sekolah Tamil baru di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk kaum India yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan SJKT didirikan dalam kawasan ladang. Apabila berlaku proses pembangunan banyak ladang ditutup dan menyebabkan masyarakat India berpindah ke kawasan lain. Perpindahan masyarakat India dan pembangunan kawasan ladang menyebabkan banyak SJKT di kawasan tersebut tidak mempunyai murid akhirnya tidak beroperasi dan ditutup.

Dalam membina sekolah-sekolah baru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada dasarnya memberi keutamaan kepada pembinaan sekolah aliran perdana iaitu Sekolah Kebangsaan yang memberi peluang pendidikan kepada semua kaum. KPM juga mendapati daripada 523 buah SJKT yang ada, 324 atau 61.95% adalah Sekolah Kurang Murid.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG)

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan usaha yang dilakukan untuk mengimbangi kebanjiran filem-filem dan drama import yang disiarkan dalam stesen televisyen tempatan, berikutan kekhuatiran fenomena itu boleh menjejaskan kemajuan industri filem tempatan di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini bersama-sama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan menggalakkan stesen-stesen televisyen swasta supaya memperbanyakkan lagi kandungan tempatan dari semasa ke semasa.

Sokongan Kementerian ke atas kemajuan kandungan tempatan juga dilaksanakan melalui penetapan syarat-syarat lesen TV swasta di mana, kesemua stesen TV swasta bebas ke udara atau *free to air* tertakluk kepada syarat lesen yang mewajibkan agar 60% daripada kandungan yang disiarkan adalah dalam Bahasa Melayu dan 60% daripada kandungan bukan Bahasa Melayu pula adalah merupakan kandungan tempatan. Di samping itu, pihak pemegang lesen juga dikehendaki menyediakan program kandungan tempatan yang mempromosikan budaya dan identiti Kebangsaan. Bagi stesen-stesen TV di bawah kumpulan Media Prima Berhad secara keseluruhannya 70% adalah merupakan kandungan tempatan.

Kementerian melalui SKMM juga menyediakan sokongan berbentuk kewangan yang dipanggil Geran Pembangunan Kandungan Rangkaian (Networked Content Development Grant - NCDG) bertujuan untuk menggalakkan penerbitan kandungan tempatan yang lebih sesuai dengan cita rasa dan aspirasi tempatan. Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak RM1,149,223.50 telah diberikan kepada syarikat-syarikat penerbitan bagi tujuan produksi kandungan tempatan. Melalui pemberian dana tersebut, kandungan tempatan

lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, dokumentari "Iskandar Bukan Zulkarnain" yang diterbitkan hasil dana ini yang disiarkan di saluran Astro Oasis, akan turut disiarkan di saluran antarabangsa "History Channel".

Bagi sektor penyiaran awam pula, Kementerian menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM200 juta bagi membeli kandungan TV1 dan TV2 di mana 70% daripadanya digunakan untuk membeli kandungan tempatan, manakala 30% untuk membeli kandungan asing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[Ketereh]
TARIKH : 30 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kemajuan projek agropolitan ECER. Adakah ianya berjalan mengikut jadual dan bagaimanakah Kerajaan memastikan ianya mencapai maksud dan objektif yang telah ditetapkan.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, dari segi status kemajuan, pelaksanaan projek-projek agropolitan di bawah ECER adalah berjalan lancar. Sebanyak empat (4) projek agropolitan telah dilaksanakan di bawah RMKe-9 iaitu:

- i. Agropolitan Kelantan Selatan, Kelantan;
- ii. Agropolitan Pekan, Pahang;
- iii. Agropolitan Besut-Setiu, Terengganu; dan
- iv. Agropolitan Kelantan Utara, Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, pelaksanaan Fasa 1 bagi projek Agropolitan Kelantan Selatan, Kelantan telah dimulakan yang mana 10 unit rumah telah siap dibina dan diduduki oleh

10 orang peserta di Rantau Manis, Gua Musang. Kerja mengukur tanah juga sedang berjalan bagi membina 990 unit rumah. Bagi projek Agropolitan Pekan, Pahang, kerja mengukur tanah sedang dijalankan bagi membina 100 unit rumah pertama di Mukim Lepar. Pihak berkuasa koridor ECER iaitu Majlis Pembangunan ECER (ECERDC) masih dalam peringkat perbincangan bagi mendapatkan tanah yang sesuai bagi melaksanakan aktiviti penanaman cili dan jagung, penternakan ikan keli dan kambing, dan aquaponik untuk melaksanakan projek Agropolitan Besut-Setiu, Terangganu manakala bagi projek Agropolitan Kelantan Utara, Kelantan masih diperingkat penyediaan pelan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan semua projek mencapai maksud dan objektif yang telah ditetapkan, Kerajaan serta pihak ECERDC, sentiasa memantau pelaksanaan projek-projek ini melalui mesyuarat-mesyuarat pemantauan secara berkala sama ada di peringkat Persekutuan dan juga mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan (ICC) yang ditubuhkan di setiap negeri. Sebagai pihak yang bertanggungjawab, ECERDC akan memberi perhatian khusus dan komited untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek ECER bagi memastikan objektif dan matlamat pelaksanaan inisiatif ECER dapat dicapai sepenuhnya dan faedah daripada pelaksanaannya boleh diterima oleh semua rakyat termasuklah masyarakat di luar bandar dengan lebih berkesan.

SOALAN NO. (75)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
(SETIU)

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah perumahan yang dibina mengikut pecahan negeri tahun lalu dan sejauh manakah kesannya terhadap permintaan rumah khususnya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan unit rumah yang diluluskan pembinaan mengikut negeri bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:-

NEGERI	BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN
Johor	14,019
Kedah	9,550
Kelantan	1,582
Melaka	8,203
Negeri Sembilan	5,146
Pahang	6,400
Perak	6,443
Perlis	442
Pulau Pinang	9,439
Selangor	25,566
Terengganu	1,079
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	7,784
Wilayah Persekutuan Putrajaya	26
JUMLAH	95,679

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,960 unit merupakan rumah kos rendah yang mana ianya adalah khusus untuk golongan berpendapatan rendah.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH : 30.06.2009

SOALAN : DATO' LILAH YASIN minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- a) Berapakah pusat pelupusan sampah yan telah didirikan oleh FELDA yang mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar di Negeri Sembilan dan nyatakan lokasinya; dan
- b) Apakah tindakan yang berkesan bagi meningkatkan aktiviti kebersihan di FELDA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti pelupusan dan pembuangan sampah yang ada di kawasan rancangan FELDA diuruskan oleh Majlis Tempatan FELDA. Majlis ini digerakkan di tanah rancangan bagi menguruskan hal ehwal berkaitan dengan program keceriaan termasuklah landskap, penanaman pokok di sekitar jalan utama serta pelupusan sampah. Sehingga kini, di Daerah Jempol sebanyak 16 buah rancangan mempunyai tapak pelupusan sampah yang terletak di dalam dan di luar kawasan rancangan. Rancangan yang mempunyai tapak pelupusan sampah di dalam kawasan rancangan adalah Serting Hilir 4, 6 dan 7. Manakala, Palong 1,2,4,5,6,8,9,10,12 dan 16, Raja Alias 3 dan 4 dan Serting Hilir 1 mempunyai tapak pelupusan sampah yang berada di luar rancangan. Rancangan-rancangan yang mempunyai tapak pelupusan sampah di luar rancangan diuruskan oleh syarikat-syarikat pengurusan swasta.

(b) Bagi meningkatkan aktiviti kebersihan di kawasan rancangan FELDA, kutipan sampah secara berjadual dilaksanakan di mana sampah dikutip secara berkala bagi memastikan ia tidak mengganggu keceriaan serta persekitaran kawasan rancangan.

Segala urusan berkaitan dengan keceriaan adalah di bawah kawalan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Setiap rancangan dimestikan mempunyai kawasan pelupusan sampah yang teratur yang terletak di luar kawasan perkampungan FELDA seperti mana yang diluluskan oleh Majlis Tempatan / Daerah bagi memudahkan proses pelupusan sampah dilaksanakan. Di samping itu, setiap rumah peneroka digalakkan mempunyai sekurang-kurangnya satu lubang sampah.

Mulai tahun 2004, FELDA memberi sumbangan atas kadar 2:1 iaitu RM2 disumbangkan oleh FELDA dan RM1 oleh peneroka bagi membiayai kos pelupusan sampah. Bermula September 2007, Program Anugerah Keceriaan Kampung FELDA (AKKF) dilancarkan dengan hadiah RM1 juta untuk yang johan, di kesemua 317 rancangan FELDA. Program ini adalah untuk menukar wajah perkampungan FELDA menjadi komuniti taman dan menjadikan warga peneroka komuniti contoh luar bandar. Pelaksanaan program ini termasuklah pengurusan kutipan sampah berjadual, pengurusan

Majlis Tempatan FELDA serta pengindahan kawasan kampung secara berterusan.

Program gotong - royong di kalangan ahli masyarakat turut diadakan sepanjang masa sebagai menyokong pelaksanaan dan keberkesanan program kebersihan dan keceriaan di tanah rancangan.

-----XXX-----

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.06.2009 SOALAN NO: 77

Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan mutakhir tentang cadangan pembangunan tapak bekas Penjara Pudu yang kini terbiar dan merugikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tapak bekas Penjara Pudu seluas 19.52 ekar telah ditawarkan kepada UDA Holdings Bhd (UDA) oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dalam tahun 1999 untuk tujuan pembangunan semula. Tapak ini terbahagi kepada dua (2) iaitu kawasan lapang di luar tembok dan kawasan bertembok. Sejak bulan November 2002 sehingga bulan lepas (Mei 2009) kawasan bertembok telah digunakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai Pusat Tahanan Sementara.

2. Bagaimanapun, tapak ini akan diserahkan semula kepada pihak UDA sedikit masa lagi setelah pemeriksaan bersama antara UDA, DBKL dan PDRM diadakan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak UDA telah mengemukakan permohonan kelulusan Pelan Susun Atur melibatkan keseluruhan tapak berkenaan kepada DBKL pada bulan Julai 2005 bagi tujuan pembangunan bercampur yang mengandungi kondominium, lot-lot perdagangan dan bangunan pejabat. Pada masa ini, pihak DBKL masih belum mengeluarkan kelulusan pelan susun atur tersebut disebabkan terdapat isu-isu teknikal dan beberapa kemas kini yang perlu dilakukan. Kerja-kerja awalan termasuk *soil investigation* dan pembersihan tapak dijangka dimulakan pada bulan Ogos 2009.

SOALAN NO: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 30 JUN 2009
RUJUKAN : 1892

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan bayi warga asing yang dilahirkan dan didaftar di Sabah sejak 1970 hingga 1996 serta jumlah mereka yang telah mendapat kerakyatan Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1970 hingga tahun 1996, seramai **32,528** orang bayi warga asing telah dilahirkan dan didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, seramai **1,178** telah dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

NW: 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]
TARIKH : 30 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk melindungi kepentingan orang awam yang telah membeli tiket berbulan-bulan terdahulu akibat dipengaruhi oleh kempen pengiklanan AirAsia dalam surat khabar, sekiranya syarikat AirAsia tidak dapat memenuhi obligasinya di masa hadapan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan kepentingan orang awam yang membeli tiket jauh lebih awal dari tarikh penerbangan di jaga sekiranya AirAsia tidak dapat memenuhi obligasinya, AirAsia menyediakan alternatif seperti berikut:

- (i) Bagi penerbangan yang dibatalkan oleh sebab faktor teknikal, penumpang akan diberi pilihan untuk menebus harga tiket (*refund to credit card*) atau "*credit shell*"; dan
- (ii) Bagi penerbangan ke laluan yang tidak lagi beroperasi, penumpang akan diterbangkan ke laluan tersebut melalui laluan alternatif. Sebagai contoh, AirAsia telah memberhentikan penerbangan ke laluan Johor Bahru - Kota Kinabalu disebabkan isu operasi. Penumpang yang telah membeli tiket bagi laluan tersebut kemudiannya diberi laluan alternatif iaitu dengan mengambil penerbangan ke Kota Kinabalu melalui Singapura. Bagi penumpang yang mengalami kesukaran untuk mengambil penerbangan

lalu alternatif atau tiada lalu alternatif, AirAsia akan menebus harga tiket yang dibayar melalui *refund to credit card* atau "*credit shell*".

- (iii) *Advance booking ticket* bagi penerbangan AirAsia dapat dilakukan bagi penerbangan tidak lebih dari tempoh 12 bulan. Namun begitu, AirAsia tidak mempunyai mekanisma khusus yang memberikan jaminan 100% bahawa penumpang akan memperoleh semula wang sekiranya syarikat tersebut muflis. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat tersebut muflis, semua asetnya akan dibekukan dan akan ditadbir oleh pemegang amanah yang dilantik. Penumpang masih boleh mengemukakan tuntutan pengembalian wang harga tiket terlibat daripada pemegang amanah.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN JUN 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 30 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan setakat ini tindakan membantu pekerja yang diberhentikan kerja menyertai Skim Latihan mendapat sambutan daripada rakyat yang terlibat. Jika ada rakyat yang menyertai Skim Latihan tersebut berapakah jumlahnya.

PR-022-L18646

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melaksanakan program “Latihan dan Penempatan” bagi membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja ekoran kesan daripada krisis ekonomi global yang melanda negara. Sebanyak RM220 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi memberi latihan kemahiran dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh industri kepada pekerja-pekerja yang terjejas.

Program latihan tersebut dilaksanakan oleh penyedia-penyedia latihan yang dilantik oleh KSM dan antara syarat lantikan ialah penyedia latihan dikehendaki membuat penempatan kepada peserta yang dilatih setelah mereka menamatkan latihan dengan jayanya.

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut rekod Kementerian Sumber Manusia (KSM) sehingga 24 Jun 2009, seramai 1,097 pekerja yang diberhentikan kerja sedang mengikuti program “Latihan dan Penempatan” di seluruh negara. Antara bidang kursus yang ditawarkan adalah seperti *Petrochemical, Sales & Tele-Marketing, Retail Management, Business Process Outsourcing, Web Design & Multimedia, Telecommunication Program Components, Hospitality, Beauty Therapy* dan Pengurus Operasi Kawalan Keselamatan.

Kementerian sentiasa berusaha untuk mempergiatkan promosi program ini di seluruh negara melalui Program Penempatan Pekerjaan di peringkat negeri dan daerah. Kementerian akan terus melaksanakan program ini dan berusaha untuk memastikan ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pekerja tempatan yang telah diberhentikan, siswazah menganggur dan belia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA: TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU]
TARIKH: 30 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dan langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan di dalam memastikan asas Federalisme dihormati di dalam menjaga hubungan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, falsafah Federalisme adalah berbeza-beza mengikut acuan sesebuah negara itu sendiri. Konsep Federalisme di negara kita berpandu kepada Perlembagaan Persekutuan, khususnya Bahagian IV, yang mana hubungan di antara kerajaan Pusat dan kerajaan Negeri tertakluk dan telah diputuskan serta diperincikan lagi dalam Jadual Kesembilan dan Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Asas Federalisme akan sentiasa terpelihara selagi semua pihak menghormati prinsip Perlembagaan Persekutuan dan memahami inti pati yang telah digariskan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)
TARIKH : 30.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan dalam memperkasakan Sekolah Agama Rakyat (SAR).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha memperkasa Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah dengan meneruskan usaha untuk mendaftarkan SAR sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Apabila sekolah tersebut mendapat status sekolah bantuan kerajaan, Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan menyalurkan bantuan kepada SABK dalam bentuk;

- i. Pembayaran Emolumen
- ii. Perkapita mata pelajaran
- iii. Yuran kokurikulum
- iv. Pembersihan kawasan
- v. Kawalan keselamatan
- vi. Yuran khas
- vii. Makan asrama

viii. Penyelenggaraan kecil

ix. Penyelenggaraan/pembinaan

Di samping itu, KPM juga akan mewujudkan jawatan guru dan staf sokongan, memberi latihan perguruan dan juga latihan peningkatan profesionalisme guru-guru SABK.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]**
TARIKH JAWAPAN : **30 JUN 2008 (SELASA)**
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan :-

- (a) apakah terdapat kekurangan bekalan elektrik atau air di Tawau di mana kekerapan gangguan bekalan adalah tertinggi antara semua negeri dan bandar di seluruh Malaysia, terutama sekali dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Apakah perancangan bekalan berkaitan untuk masa depan bagi bandar Tawau; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian bercadang untuk membantu Kerajaan Negeri Sabah dalam menyelesaikan masalah ini di Sabah dan Tawau yang sudah wujud terlalu lama.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Air Negeri Sabah memang menyedari masalah tersebut terutama sekali dalam beberapa bulan kebelakangan ini dan sedang mengambil tindakan untuk mengatasinya. Gangguan tersebut telah dikenal pasti berpunca daripada kerosakan pam dan masalah muka sauk tersumbat akibat berlakunya banjir di Loji Rawatan Air Utara di Hilltop Jalan Utara dan Loji Rawatan Air Cinta Mata di Gudang Empat. Pada masa yang

sama, kapasiti sedia ada bagi loji-loji rawatan air ini telah tidak lagi mampu menampung keperluan semasa bekalan air bagi kawasan tersebut.

Kerajaan negeri juga menyedari bahawa masalah yang dialami di kawasan ini memerlukan satu tindakan penyelesaian jangka panjang yang komprehensif. Untuk itu, beberapa tindakan penyelesaian jangka panjang telah dikenal pasti. Melalui Jabatan Air Negeri Sabah dan syarikat konsesi yang mengendalikan kedua-dua loji rawatan air tersebut, kerajaan negeri telah memulakan pelaksanaan kerja-kerja baik pulih dan naik taraf kedua-dua loji rawatan air tersebut. Ia akan meliputi penggantian pam di kedua-dua loji, naik taraf muka sauk dan peningkatan kapasiti Loji Rawatan Air Cinta Mata daripada 65 juta liter sehari kepada 90 juta liter sehari.

Pada masa ini, kerja-kerja reka bentuk terperinci sedang disediakan. Kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf tersebut yang dianggarkan berjumlah RM80 juta akan dimulakan pada penggal kedua tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh 18 bulan. Syarikat konsesi bagi kedua-dua loji tersebut sebagaimana dinyatakan di dalam perjanjian konsesinya adalah bertanggungjawab ke atas pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

Sementara itu, kerajaan negeri juga sedang melaksanakan Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) Fasa 1 bagi daerah Tawau. Program ini yang berjumlah RM20 juta dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Pusat di bawah program Rancangan Malaysia Ke-9. Dengan terlaksananya program ini, kapasiti air sedia ada akan dapat disalurkan secara optimum dan dijangka dapat mengurangkan gangguan bekalan air yang berpunca daripada kebocoran paip dan juga ketidakcukupan bekalan.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada itu, kerajaan negeri juga telah memulakan rancangan untuk menaik taraf dan meningkatkan lagi liputan sistem bekalan air di kawasan Tawau. Bagi maksud tersebut, kerajaan negeri akan memohon peruntukan di bawah RMKe-10 daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Kerajaan negeri yakin bahawa penyelesaian jangka panjang ini yang sedang dilaksanakan melalui komitmen semua pihak di peringkat Kerajaan Pusat dan negeri termasuk syarikat konsesi akan mampu menangani masalah gangguan bekalan air di Tawau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN : [84]

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago
[Klang]**

TARIKH : 30 Jun 2009

**SOALAN : Y.B. Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago
[Klang] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan tujuan Kerajaan menyokong draf
resolusi Kerajaan Sri Lanka di Human Rights
Council (HRC), di Geneva. Adakah Kerajaan
Malaysia tidak peka dengan phenomena
genocide dan ethnic cleansing yang dihadapi
oleh orang keturunan Tamil di negara itu.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan YB Ipoh Barat ini bersama dengan soalan–soalan YB Batu Kawan pada 22 Jun 2009, YB Sungai Siput pada 23 Jun 2009 dan YB Klang pada 30 Jun 2009 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berkenaan atas soalan–soalan yang dikemukakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, negara kita semenjak mencapai kemerdekaan, telah mengamalkan secara konsisten, dasar luar yang berteraskan prinsip–prinsip menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan integriti wilayah serta tidak mencampuri urusan dalaman negara–negara lain. Untuk itu, Malaysia dilihat oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang mempunyai kredibiliti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Mengenai konflik di Sri Lanka, Malaysia melihatnya sebagai isu dalaman negara berkenaan. Selaras dengan dasar luar negara yang berteraskan kepada prinsip–prinsip tersebut, Malaysia mengambil berpendirian bahawa Sri Lanka, sebagai negara merdeka dan berdaulat,

mempunyai hak untuk mengurus dan menyelesaikan sendiri perkara-perkara berkaitan konflik dalaman negara tersebut dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan Sri Lanka telah mengundang Setiausaha Agong PBB, Ban Ki-Moon melawat negara itu pada 23 Mei 2009. Lawatan tersebut bertujuan antara lain, untuk membolehkan Setiausaha Agong PBB melihat dengan lebih dekat perkembangan di Sri Lanka.

6. Semasa lawatan tersebut, Kerajaan Sri Lanka telah memberi jaminan bahawa pihaknya akan berusaha keras menghasilkan satu penyelesaian nasional yang boleh diterima segenap lapisan masyarakat negara itu. Pihaknya turut melahirkan keinginan memulakan proses dialog lebih luas melibatkan semua parti politik termasuk yang mewakili kepentingan masyarakat berketurunan Tamil tempatan dan seterusnya, memperkukuhkan proses tersebut demi membawa keamanan dan pembangunan berpanjangan di Sri Lanka.

7. Pada masa yang sama, Kerajaan Sri Lanka telah menekankan kesediaan pihaknya untuk memberi setinggi-tinggi komitmen dalam memupuk dan memelihara hak-hak asasi manusia bagi memenuhi piawai-piawai hak asasi manusia antarabangsa selaras dengan penekanan yang telah dibuat oleh Setiausaha Agong PBB mengenai pentingnya proses kebertanggungjawaban untuk mengendalikan kes-kes pencabulan undang-undang kemanusiaan dan hak asasi manusia antarabangsa. Perkara-perkara ini termaktub dalam pernyataan

bersama antara Kerajaan Sri Lanka dan Setiausaha Agong PBB yang dikeluarkan di akhir lawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Susulan lawatan tersebut, Majlis Hak Asasi Manusia PBB juga telah mengadakan sesi khas di Geneva, Switzerland pada 26 Mei 2009 bagi membincangkan kedudukan hak asasi manusia di Sri Lanka. Sesi Khas berkenaan menyaksikan draf resolusi Sri Lanka diterima. Resolusi tersebut menyediakan ruang kukuh kepada Sri Lanka untuk memberi tumpuan intensif kepada program-program pemulihan serta pembangunan dan penyatuan semula dengan memberi penekanan kepada prinsip-prinsip menghormati hak-hak asasi manusia, hak kesemua kelompok etnik termasuk masyarakat etnik Tamil tempatan.

9. Malaysia menyokong draf resolusi berkenaan kerana ianya selaras dengan pendirian negara berhubung dengan konflik di Sri Lanka. Selain itu, draf resolusi tersebut memberi tumpuan antara lain, kepada prinsip kebebasan, kedaulatan dan integriti wilayah sebagai asas kerjasama antarabangsa termasuk dengan PBB. Draft resolusi itu turut mendapat sokongan negara-negara Pergerakan Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam yang menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia PBB.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Sebagai tanda sokongan dan keprihatinan kepada Kerajaan Sri Lanka dalam usahanya menjayakan program kemanusiaan kepada mangsa-mangsa konflik berkenaan, Kerajaan Malaysia telah mengambil

keputusan menghulurkan bantuan kemanusiaan sebanyak USD 100 ribu kepada Kerajaan Sri Lanka. Bantuan tersebut akan digunakan Kerajaan Sri Lanka dalam pembelian makanan dan ubat-ubatan serta melaksanakan projek perumahan sementara untuk mangsa-mangsa konflik berkenaan. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan Sri Lanka bagi memastikan supaya semua bantuan kemanusiaan masyarakat antarabangsa dapat disalurkan kepada mereka yang disasarkan secara berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN FONG PO KUAN

TARIKH: 30 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. PUAN FONG PO KUAN [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan sama ada warga Malaysia digalakkan untuk bekerja di luar negara pada masa kemelesetan ekonomi dan pengangguran ini. Jika tidak, mengapa. Jika ya, apakah bentuk galakan dan nyatakan sama ada caj pasport akan dikurangkan.

PR-022-L18520

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia merupakan sebuah negara ke arah mengamalkan mobiliti modal insan secara terbuka. Sehubungan dengan itu Kerajaan tidak mempunyai halangan sekiranya warganegara Malaysia ingin bekerja di luar negara walaupun ketika negara sedang mengalami krisis ekonomi global. Setiap rakyat Malaysia mempunyai hak dan kebebasan untuk memilih pekerjaan sama ada di dalam mahupun di luar negara dan Kerajaan tidak dapat menghalang mereka daripada bekerja di luar negara.

Tuan Yang di Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak bercadang mengadakan langkah-langkah tertentu untuk menyekat pengaliran tenaga profesional tempatan ke luar negara. Walau bagaimanapun, KSM sentiasa berusaha dan menggalakkan supaya warganegara Malaysia berkepakaran yang bermastautin dan bekerja di luar negara untuk kembali ke Malaysia bagi tujuan memanfaatkan kepakaran mereka yang diperolehi di luar negara ke Malaysia dan membantu memajukan negara kita. Dalam usaha ini, KSM telah menyediakan program dan insentif untuk menarik mereka kembali berkhidmat di Malaysia bagi mengatasi masalah kekurangan pakar dan seterusnya mewujudkan kumpulan tenaga kerja bertaraf dunia di Malaysia.

NW: 86

DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA
BELAS 2008
(15 JUN- 30 JUN 2009)
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tarikh: 30 Jun 2009

Soalan no. 86

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Serai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hasil pertemuan dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Hillary Clinton dan hasil lawatan ke Amerika Syarikat.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Lawatan saya ke Washington D.C. Amerika Syarikat pada 14 dan 15 Mei 2009 adalah di atas undangan Pentadbiran Presiden Barack Obama yang telah disampaikan kepada saya melalui rakan sejawat saya, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Puan Yang Terutama Hillary Clinton.

Pertemuan saya dengan Puan Yang Terutama Hillary Clinton telah berjalan dalam suasana yang baik dimana pelbagai isu telah dibincangkan yang meliputi hubungan dua hala, isu-isu serantau dan antarabangsa.

Saya telah mengambil kesempatan semasa pertemuan tersebut untuk menyampaikan jemputan YAB Perdana Menteri kepada Presiden Barack Obama untuk melawat Malaysia bersempena dengan kehadiran beliau di Sidang Kemuncak APEC di Singapura pada November 2009 ini nanti. Antara isu-isu dua hala yang saya telah bincangkan dengan Puan Yang Terutama Hilary Clinton termasuk Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) di antara kedua-dua buah negara. Saya telah meyakinkan rakan sejawat saya bahawa Malaysia berhasrat untuk meneruskan perbincangan FTA ini dan meminta supaya Amerika Syarikat bertolak ansur dan fleksibel dalam usaha untuk memuktamadkan perjanjian itu.

Selain itu, isu penahanan dua rakyat Malaysia di Guantanamo Bay juga telah dibincangkan semasa pertemuan saya dengan PYT Hillary Clinton. Semasa perbincangan tersebut, PYT Hillary Clinton telah berjanji untuk

memaklumkan kepada Malaysia mengenai perkara ini dengan segera sebaik sahaja proses dalaman mereka selesai dijalankan dan samada mereka ini akan terus ditahan, didakwa, atau dibebaskan. Saya juga telah berbincang dan menawarkan kepakaran dan kerjasama Malaysia dalam menangani krisis kewangan dan ekonomi global kepada Amerika Syarikat berdasarkan kepada pengalaman Malaysia menangani kegawatan ekonomi pada tahun 1997-1998 yang lalu.

Selain daripada itu saya juga telah berbincang mengenai usaha-usaha Malaysia berhubung dengan masalah perlanungan di Somalia termasuklah menjemput Amerika Syarikat untuk menyertai persidangan antarabangsa mengenai perkara ini pada 18 Mei 2009 yang lalu. Saya juga telah bertukar-tukar fikiran dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat mengenai laporan Dewan Senat Amerika Syarikat mengenai isu Hak Asasi Manusia secara terbuka dan berbincang mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh Malaysia. Selain daripada itu, saya juga telah bertukar-tukar fikiran mengenai isu ketakcambahan senjata nuklear termasuklah mengenai isu kawalan eksport.

Setiausaha Negara Amerika Syarikat telah memberikan penjelasan beliau berhubung dengan Proses Perdamaian Timur Tengah serta komitmen Amerika Syarikat kepada Inisiatif Damai Arab serta konsep penyelesaian dua negara Palestin dan Israel. Pihak Amerika Syarikat juga telah menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam satu program bantuan kerjasama teknikal tiga hala untuk membantu Afghanistan dan Pakistan dalam membina keupayaan mereka di bidang seperti pendidikan, pentadbiran awam dan perbankan Islam. Isu penahanan Aung San Suu Kyi juga telah dibincangkan dan saya telah bertukar-tukar pendapat dengan Puan Yang Terutama Hillary

Clinton berkaitan dengan usaha mencari penyelesaian kepada perkara tersebut.

Secara amnya, lawatan saya ke Amerika Syarikat tempohari adalah sangat berjaya. Disamping bertukar-tukar pendapat secara terus mengenai isu-isu yang dibincangkan, saya dapat menilai sendiri bagaimana kepimpinan Presiden Barack Obama dan juga rakan sejawat saya PYT Hillary Clinton menerima kunjungan saya dengan tangan yang terbuka dan menerima Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat. Malaysia hendaklah mengambil peluang yang ada ini untuk terus meningkatkan hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat melalui lawatan-lawatan di peringkat pemimpin serta di peringkat pegawai kanan pada masa yang terdekat ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : NO.87

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah warga asing yang menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia dan apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan jumlah penuntut warga asing di IPT di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini jumlah pelajar antarabangsa adalah seramai 70,572 orang. Jumlah pelajar antarabangsa di IPTA sehingga Februari 2009 adalah seramai 19,893 orang manakala pelajar antarabangsa di IPTS sehingga Disember 2008 adalah seramai 50,679 .

Kementerian Pengajian Tinggi berasaskan Teras Kelima iaitu Mempergiat Pengantarabangsaan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkui 2020 telah menggariskan pelbagai langkah untuk meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa di IPT Malaysia, iaitu:

- i. Mempergiat usaha perekrutan secara berterusan dan mensasarkan seramai 75,000 orang pelajar antarabangsa bagi tahun 2009 dan seterusnya 80,000 orang pada tahun 2010;
- ii. Mempelbagai kaedah pemasaran iaitu pameran pendidikan *single country* (dengan izin) dan menyertai pameran antarabangsa bagi menyebarkan maklumat dan peluang pengajian tinggi Malaysia di negara-negara sasaran;
- iii. Memperkukuh dan mempelbagai strategi perekrutan dengan melaksanakan program *Edu-Tourism* (dengan izin) yang memperluas peluang pelajar antarabangsa mengikuti kursus-kursus pendek;
- iv. Memperkukuh dan mempertingkatkan program kerjasama dan jaringan pendidikan dengan institusi pendidikan luar negara khusus melalui program mobiliti pelajar/staf; dan
- v. Melaksanakan program pengiktirafan di negara-negara sasaran supaya program pengajian dan institusi pendidikan tinggi Malaysia diiktiraf oleh negara luar.

Kementerian akan mengambil tindakan berterusan untuk memantapkan lagi perancangan dan strategi dalam usaha menarik minat pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian ke Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
[SIK]
TARIKH : 30 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Haji Che Uda Bin Che Nik (Sik) meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah Kementerian mengambil masa yang begitu lama untuk menghapuskan Demam Chikungunya yang kebanyakannya berlaku di kawasan kampung, berbanding dengan tindakan cepat yang diambil untuk mengatasi penyakit lain yang berlaku di bandar dan melibatkan golongan elit utama.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 Mei 2009, sejumlah 2,504 kes Chikungunya telah dilaporkan di seluruh negara. Pesakit yang dijangkiti Chikungunya biasanya akan pulih dengan sendiri. Kebanyakan pesakit (kira-kira 73%) yang dijangkiti Chikungunya dirawat secara simptomatik sebagai pesakit luar dan selebihnya dirawat dan dimasukkan ke

hospital. Kebanyakan kes Chikungunya berlaku di luar bandar kerana terdapat banyak pembiakan nyamuk jenis *Aedes Albopictus* di kawasan sekitar rumah di kawasan luar bandar.

Oleh kerana penyakit Chikungunya tidak menunjukkan simptom yang teruk, pesakit yang lewat atau tidak mendapatkan rawatan di hospital menyebabkan pihak bertanggungjawab tidak mendapat maklumat yang lengkap untuk melakukan kawalan dan tindakan pencegahan segera.

Kementerian sentiasa peka terhadap kehendak masyarakat dengan mengambil langkah-langkah proaktif untuk menangani penyakit Chikungunya tanpa mengira bangsa, kedudukan mahupun tempat tinggal mereka, sama ada di kawasan luar bandar atau bandar. Kementerian Kesihatan juga telah menetapkan bahawa pengamal perubatan dikehendaki menotifikasikan sebarang kes Chikungunya kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat dalam tempoh 24 jam setelah dikesan bagi membolehkan tindakan kawalan dilaksanakan.

Antara langkah kawalan yang diambil oleh pihak Kementerian adalah pengesanan kes secara aktif dan kawalan vektor melalui pemeriksaan *aedes*, semburan wasap (*fogging*) dan pembasmian jentik-jentik serta hebahan promosi kesihatan. Aktiviti gotong-royong bersama masyarakat setempat adalah penting bagi menentukan tiada lagi pembiakan *Aedes*. Melalui aktiviti kawalan yang dijalankan dengan cekap dan berkesan, kejadian penyakit Chikungunya dapat

dikawal dalam tempoh yang telah ditetapkan seterusnya dapat menghalang jangkitan daripada terus berlaku. Sehingga kini, lokaliti-lokaliti di mana transmisi jangkitan berlaku telah dapat dikawal melalui pelbagai aktiviti kawalan yang telah dilaksanakan.

SOALAN NO: 89

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENNA]
TARIKH : 30 JUN 2009
RUJUKAN : 1894

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah anggota Polis yang terlibat dalam Pilihan raya Kecil Permatang Pauh, Kuala Terengganu, Bukit Gantang, Bukit Selambau, Batang Ai dan Penanti dan nyatakan jumlah dan jenis perbelanjaan serta kontraktor yang terlibat serta kes-kes laporan Polis mengikut kawasan pilihan raya kecil tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah anggota polis yang ditugaskan bagi Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh ialah seramai 6,000 orang; Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu seramai 7,200 orang; Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang seramai 4,012 orang; Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau seramai 3,403 orang; Pilihan Raya Kecil DUN Batang Ai seramai 640 orang; dan Pilihan Raya Kecil DUN Penanti seramai 1,751 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah dan jenis perbelanjaan yang terlibat dalam operasi pilihan raya kecil yang dijalankan oleh pihak polis adalah mencakupi pembayaran elaun tuntutan tugas rasmi, bayaran bil-bil utiliti, sewaan khemah dan kelengkapan, keperluan bahan makanan kering (ransum), bahan api dan alat ganti kenderaan, keperluan alat tulis dan kelengkapan am, pakej makanan bermasak dan pakej penginapan. Bagi Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh jumlah keseluruhan perbelanjaan yang terlibat ialah sebanyak

RM2,822,806.80; Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu berjumlah RM15,337,568; Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang berjumlah RM 10,041,506; Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau berjumlah RM6,397,578; Pilihan Raya Kecil DUN Batang Ai berjumlah RM4,676,252; dan Pilihan Raya Kecil DUN Penanti berjumlah RM5,351,645.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh, tiada kontrak pembekalan khemah dibuat.

Bagi Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu, kontrak pembekalan khemah adalah dibekalkan oleh Syarikat Rukun Saksama, manakala kontrak pembekalan makanan bermasak adalah dibekalkan oleh 24 buah syarikat antaranya seperti SS Saujana Enterprise, RM Maju Services, NBN Utama Enterprise, Usaha Karisma Enterprise, Tajaumas dan lain-lain lagi.

Bagi Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang, kontrak pembekalan khemah adalah dibekalkan oleh tiga buah syarikat iaitu Syarikat Rukun Sakasama, Syarikat World Aerospace dan Khas Enterprise. Manakala, kontrak pembekalan makanan bermasak adalah dibekalkan oleh 8 buah syarikat antaranya seperti Dynamic Midland, Restoran Firdaus Kader dan lain-lain.

Bagi Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau kontrak pembekalan khemah adalah dibekalkan oleh syarikat KEB Projek SB manakala

bagi Pilihan Raya Kecil DUN Batang Ai, kontrak pembekalan khemah adalah dibekalkan oleh Jeb Enterprise.

Bagi Pilihan Raya Kecil DUN Penanti, kontrak pembekalan khemah adalah dibekalkan oleh dua buah syarikat iaitu Syarikat Rukun Sakasama dan Syarikat World Aerospace. Manakala, kontrak pembekalan makanan bermasak adalah dibekalkan oleh 4 buah syarikat iaitu seperti FK Maju Enterprise, Zaques Enterprise, Eeka Enterprise dan Hezly Enterprise.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis telah menerima sebanyak 91 laporan yang dibuat berhubung pelbagai kesalahan sewaktu Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh diadakan iaitu bermula dari 14 Ogos hingga 24 Ogos 2008. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 25 kertas siasatan telah dibuka berhubung pelbagai kesalahan seperti mengadakan perhimpunan haram, merusuh, dengan sengaja menyebabkan cedera dan lain-lain. Sebanyak 19 tangkapan melibatkan 11 orang lelaki Melayu dan 8 orang lelaki India telah dibuat bagi membantu siasatan. Manakala baki 37 kes lagi tidak disiasat oleh pihak polis atas pelbagai sebab.

Bagi Pilihanraya Kecil Parlimen Kuala Terengganu, pihak polis telah menerima sebanyak 70 laporan yang dibuat berhubung pelbagai kesalahan iaitu bermula dari 1 Januari hingga 14 Januari 2009. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9 kertas siasatan telah dibuka

dan sebanyak 5 tangkapan melibatkan 5 orang lelaki Melayu telah dibuat bagi membantu siasatan. Manakala baki 44 repot lagi tidak disiasat oleh pihak polis.

Bagi Pilihanraya Kecil Parlimen Bukit Gantang, pihak polis telah menerima sebanyak 79 laporan yang dibuat berhubung pelbagai kesalahan iaitu bermula dari 28 Mac hingga 6 April 2009. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 39 kertas siasatan telah dibuka. Walau bagaimanapun hasil daripada siasatan yang dijalankan oleh pihak polis, tiada tangkapan dibuat setakat ini. Manakala baki 40 repot lagi tidak disiasat oleh pihak polis.

Bagi Pilihanraya Kecil DUN Bukit Selambau, pihak polis telah menerima sebanyak 59 laporan yang dibuat berhubung pelbagai kesalahan iaitu bermula dari 28 Mac hingga 7 April 2009. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 kertas siasatan telah dibuka dan sebanyak 13 tangkapan melibatkan 6 orang lelaki Melayu dan 3 orang lelaki India telah dibuat bagi membantu siasatan. Manakala baki 38 repot lagi tidak disiasat oleh pihak polis.

Bagi Pilihanraya Kecil DUN Batang Air, pihak polis telah menerima sebanyak 34 laporan yang dibuat berhubung pelbagai kesalahan iaitu bermula dari 30 Mac hingga 7 April 2009. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7 kertas siasatan telah dibuka. Walau bagaimanapun hasil daripada siasatan yang dijalankan oleh pihak polis, tiada tangkapan dibuat setakat ini. Manakala baki 27 repot lagi tidak disiasat oleh pihak polis.

Bagi Pilihanraya Kecil DUN Penanti, pihak polis telah menerima sebanyak 15 laporan yang dibuat berhubung pelbagai kesalahan iaitu bermula dari 23 Mei hingga 28 Mei 2009. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9 kertas siasatan telah dibuka dan sebanyak 6 tangkapan melibatkan 3 orang lelaki dan seorang perempuan Melayu serta 2 orang lelaki Cina telah dibuat bagi membantu siasatan. Manakala baki 6 repot lagi tidak disiasat oleh pihak polis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**
TARIKH : **30 JUN 2009**

SOALAN : **Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah minimum muflis (bankrap) daripada 30 ribu kepada 50 ribu. Jika ya bila, dan jika tidak kenapa?

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan jumlah minima kebangkrutan daripada RM30,000 kepada RM50,000. Ini disebabkan jumlah minima tersebut masih lagi sesuai pada masa ini terutamanya dalam keadaan ekonomi sekarang. Penetapan jumlah minima ini juga tidak menjejaskan kepentingan kedua-dua pihak iaitu si pemberi hutang dan peminjam di mana kepentingan mereka masih lagi dapat diimbangkan (*balanced*) iaitu jumlah tersebut tidak akan menafikan hak orang atau badan yang mengeluarkan pinjaman untuk menuntut hutangnya, dan juga tidak terlalu rendah untuk seseorang itu dengan mudah boleh dibankrapkan.

Pendekatan secara seimbang ini dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada kedua-dua pihak berkenaan tetapi juga kepada masyarakat amnya.

Sekian. Terima kasih.

NW-92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU**
(TELOK INTAN)
TARIKH : **30.06.2009**
NO. SOALAN : **93**

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-

- (a) apakah mekanisme yang diamalkan oleh Kerajaan untuk mengawal barangan perlu (essential items) dan mengapa tidak dibiarkan 'Market Forces' menetapkan harga; dan
- (b) perlukah Jemaah Menteri kita untuk memutuskan harga pasaran ayam/daging ayam. Bolehkah Jemaah Menteri menumpukan perhatian kepada polisi-polisi kerajaan yang akan membawa perubahan dan meletak Malaysia sebagai Negara Maju (First World) berbanding dengan isu-isu yang boleh dikendalikan oleh jabatan-jabatan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

a) Pada masa ini, Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan bekalan barangan terkawal adalah mencukupi melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 dan memantau harga barangan terkawal melalui Akta Kawalan Harga 1946. Untuk makluman, Kerajaan hanya mengawal harga tujuh (7) jenis barangan sepanjang masa iaitu:

- i. Petrol;
- ii. Diesel;
- iii. Gas Petroleum Cecair (LPG);
- iv. Gula putih bertapis;
- v. Tepung gandum kegunaan am;
- vi. Roti putih standard loaf; dan
- vii. Minyak masak sawit.

Kaedah kawalan harga yang digunapakai adalah melalui penetapan harga dan kawalan bekalan barangan di pasaran. Perkara ini perlu bagi memastikan harga barangan berpatutan dan mencapai objektif sosio-ekonomi rakyat di dalam dan luar bandar. Dalam usaha ini, Kerajaan mendapatkan kerjasama pengusaha/pengeluar dalam menetapkan harga barang-barang berkenaan pada paras yang sesuai dengan mengambil kira kos pengeluaran serta margin keuntungan kepada pengeluar, pemborong dan peruncit.

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat pandangan ekonomi yang menyatakan bahawa penyelesaian terbaik terhadap masalah pembangunan ekonomi negara adalah dengan membiarkan market forces. Teori

oleh Pareto ini menyatakan bahawa keadaan pasaran, permintaan dan pengeluaran akan berfungsi dengan sempurna dalam jangka masa panjang tanpa campurtangan kerajaan. Namun adalah mustahil bagi sebuah kerajaan negara membangun khususnya yang sanggup membiarkan masa depan ekonominya ditentukan oleh keadaan pasaran semata-mata.

Di sini perlu ditekankan bahawa pembangunan ekonomi sesuatu negara memerlukan kerajaannya memainkan peranan secara aktif dalam pengurusan pembangunan ekonomi. Ini adalah kerana, sistem *laissez-faire* tidak menjamin kadar simpanan dan pelaburan yang merupakan penentu utama dalam kadar pembangunan pengeluaran. Selain itu, pembahagian *resources* adalah tidak sesuai bagi tujuan memastikan kebajikan rakyat melalui ekonomi.

b) Penglibatan Jemaah Menteri dalam menentukan hala tuju industri ayam adalah lebih tertumpu kepada kesan terhadap masyarakat dan juga ekonomi secara amnya. Kementerian ini sama sekali tidak menggunakan saluran Jemaah Menteri hanya untuk memutuskan kedudukan harga ayam di pasaran semata-mata. Saluran Jemaah Menteri hanya digunakan bagi mendapatkan pandangan serta persetujuan ke atas langkah-langkah yang telah digariskan oleh Kementerian bagi membendung masalah kenaikan harga dan juga gangguan bekalan ayam di dalam pasaran.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [Rembau]

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN : Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melaksanakan program vaksinasi bagi penternak dan ternakan babi sebagai salah satu langkah pencegahan menularnya wabak selesema babi.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, vaksinasi ke atas ternakan babi belum dijalankan. Namun begitu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengambil langkah proaktif dengan menjalankan kajian ke atas vaksin yang telah digunakan di luar negara untuk melihat keberkesannya ke atas ternakan babi di Malaysia. Langkah ini mengambil kira kemungkinan terdapat risiko besar virus influenza A (H1N1) dari Mexico ini menular di kalangan ternakan babi tempatan. Kajian ini akan dijalankan di Institut Penyelidikan Veterinar Ipoh dengan menggunakan virus influenza A jenis tempatan untuk mencabar tahap imuniti ternakan babi tersebut terhadap selesema babi selepas ianya disuntik dengan vaksin yang diuji. Survelan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar mendapati belum terdapat penemuan strain virus influenza A(H1N1) jenis Mexico di kalangan babi tempatan. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati vaksin yang dikaji dapat melindungi ternakan babi tempatan daripada jangkitan selesema babi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menjalankan suntikan vaksin yang telah diuji kepada ternakan babi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 30.06.2009 SOALAN NO: 94

Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pemilik atau pemandu bas sekolah yang sukar untuk membeli insurans kenderaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, industri insurans am telah menubuhkan 'Malaysian Motor Insurance Pool' (MMIP) yang bertindak sebagai penanggung insurans terakhir bagi memenuhi insurans yang diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sebagai penanggung insurans terakhir, MMIP wajib menawarkan perlindungan insurans seperti yang diminta oleh pemilik kenderaan termasuk bas sekolah. Pemilik kenderaan boleh mendapatkan perlindungan insurans daripada MMIP melalui cawangan-cawangannya iaitu sama ada melalui

Multi-Purpose Insurans Berhad ataupun Uni.Asia General Insurance Berhad.

2. Dalam usaha meningkatkan akses pemilik kenderaan kepada MMIP, industri insurans telah mendapatkan persetujuan Pos Malaysia Berhad untuk menjual perlindungan insurans motor bagi pihak MMIP. Ini bagi memudahkan pemilik kenderaan, terutama sekali pemilik kenderaan di Sabah dan Sarawak, untuk mendapatkan perlindungan insurans motor mereka. Pemilik kenderaan hanya perlu pergi ke mana-mana 692 buah kaunter Pos Malaysia untuk mendapatkan polisi perlindungan motor MMIP.

SULIT

NO SOALAN : ~~96~~ 95

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA AHMAD BIN
HAJI HAMZAH
(JASIN)**

**TARIKH : 30 JUN 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan keberkesanan dana kebajikan bagi pesara anggota tentera kerana sering kali kita melihat dan mendengar akan kesusahan yang terpaksa diharungi oleh bekas pesara tentera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah menyediakan skim-skim bantuan Kerajaan termasuklah sara hidup, peralatan perubatan, bantuan persekolahan, bantuan bencana alam dan juga bantuan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam. Kementerian juga sedang mengambil inisiatif untuk meningkatkan tahap maksimum bantuan kebajikan skim sara hidup JHEV kepada RM500 berasaskan Paras Garis Kemiskinan dan juga berasaskan faktor-faktor lain yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kebanyakan kes yang didengar atau dilihat mengenai kesusahan bekas tentera melalui media massa adalah dari kalangan bekas tentera yang tidak berpencen termasuklah mereka yang tidak cukup tempoh perkhidmatannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menimbang dan membantu golongan bekas tentera ini sekiranya mereka membuat permohonan kepada JHEV.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y. B. Dato' Ismail bin Kasim [Arau]
TARIKH : 30 Jun 2009 (Selasa)
SOALAN : Y. B. Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI**
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-

Apakah perancangan Kementerian dalam memastikan FAMA dapat memasuki pasaran yang lebih luas terutamanya di peringkat antarabangsa.

INPUT KEPADA JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan beberapa program bagi menggalakkan sektor swasta dari luar negara melabur di dalam sektor pertanian dan industri asas tani di negara ini, selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) menggalakkan penyertaan dan penglibatan aktif pihak swasta dalam pelaburan sektor pertanian dan industri asas tani.
2. Salah satu program untuk menggalakkan pelabur asing ialah Program Galakan Pemasaran dan Pelaburan Dalam Sektor Pertanian ke Luar Negara atau *Agricultural Marketing and Investment Mission (AMIM)*. Ia telah mula dilaksanakan pada tahun 2005 bertujuan untuk menarik pelabur asing melabur di bidang pertanian dan industri asas tani di negara ini.
3. Program ini merupakan sebahagian daripada projek RMK9 yang bertujuan untuk meninjau potensi pemasaran yang wujud di luar negara bagi produk-produk segar dan proses agro makanan negara. Ia juga merupakan satu misi perdagangan bagi menarik pelabur-pelabur asing yang berpotensi untuk melabur dalam sektor agro makanan di Malaysia. Skop pelaburan merangkumi pelbagai bidang iaitu dalam

bidang penyelidikan, teknologi dan pengurusan pertanian, mekanisasi dan otomasi serta pendidikan di samping pelaburan di dalam projek-projek pertanian sedia ada.

4. Program AMIM ini dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti yang tertumpu kepada majlis perjanjian antara kerajaan(bilateral agreement), promosi produk pertanian, lawatan kerja, seminar, perjumpaan dengan entiti-entiti perniagaan di pihak kerajaan dan swasta dan padanan perniagaan (*business matching*) dengan pengusaha-pengusaha perniagaan di luar negara.

5. Program AMIM ini dilaksanakan melalui konsep MOA Inc. di mana misi dilakukan melalui penyertaan Delegasi Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani beserta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi serta wakil daripada syarikat swasta.

6. Kerajaan juga telah mensasarkan sektor pertanian sebagai salah satu sektor penyumbang utama ekonomi negara. Justeru itu setiap aktiviti yang dijalankan dalam sektor ini perlulah dilaksanakan berlandaskan matlamat di atas. Moto "Pertanian Satu Perniagaan" adalah amat bertepatan dalam melonjakkan paradigma setiap penggiat sektor bahawa ianya adalah satu sektor pertanian yang menguntungkan sekiranya diusahakan dengan betul. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan sentiasa menyokong setiap usaha ke arah itu.

7. FAMA selaku agensi pemasaran dan promosi di bawah Kementerian sentiasa bekerjasama dan terlibat bersama dengan Kementerian dalam mempromosikan produk pertanian bagi meningkatkan eksport produk pertanian negara ke pasaran antarabangsa.

Penyertaan FAMA dalam program AMIM sepanjang tahun 2006-2009.

No	Program	Tarikh
1.	Gulf Food, Dubai	9-22 February 2006
2.	Brunei International HALAL Expo	7-11 Ogos 2006
3.	Royal Flora Ratchaphruek Show, Chiangmai	15-17 Jan 2007
4.	Official Visit to South Africa	22-26 Feb 2007
5.	Official visit to Netherlands and United Kingdom	23 June - 5 Julai 2008
6.	Meeting and presentation of 3P program, Aceh, Indonesia	2-5 December 2008
7.	Meeting and Presentation of 3P program, Jakarta, Indonesia	7-8 Nov 2008.
8.	Pameran International Trade & Investment Fair, Ningxia, China	18-23 Ogos 2009
9.	Busan International Seafood & Fisheries Expo	12-14 November, 2009
10.	Shanghai International Fisheries & Seafood Expo 2009	9-12 Dec, 2009

8. Kementerian telah meningkatkan peruntukan untuk program eskport dari RM 7.5 juta bagi tempoh 2009/2010 bagi menjalankan trade promotion, in-store promotion, menganjur trade/consumer fair, mengurus penyertaan usahawan/pengeksporth Malaysia, membuat periklanan dan menyediakan bahan-bahan promosi untuk produk-produk ke luar negara.

NW: 97 i

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH : 30 Jun 2009

SOALAN : 97

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan faktor yang menghambat kepada pengkomersialan R&D Bioteknologi yang dilaksanakan oleh Penyelidikan di Universiti dan institusi Penyelidikan tempatan. Berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan setakat ini untuk sektor Bioteknologi. Berapakah R&D di Universiti yang telah dikomersialkan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berperanan untuk menyediakan kemudahan geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada institusi penyelidikan awam (GRI's) dan institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Selain itu pihak MOSTI juga turut membantu para penyelidik dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan harta intelek. Oleh yang demikian, kebanyakan GRI's dan IPTA mempunyai unit pengkomersilan yang membantu penyelidik untuk mengkomersilkan produk R&D masing-masing.

Faktor-faktor yang menghambat (melambatkan) kepada pengkomersilan yang dikenalpasti ialah;

- i. Pelaburan yang tinggi;

- ii. Ketidaksanggupan modal teroka untuk membuat pelaburan kerana bimbang mengenai risiko pasaran;
- iii. Hasil penyelidikan hanya berjaya diperingkat makmal dan masih memerlukan penyelidikan berterusan untuk "proof of concept" dan juga peningkatan ke skala lebih besar "upscaling" sebelum boleh di komersilkan;
- iv. Penyelidik kurang kemahiran dan pengalaman dalam merancang/merangka penyelidikan yang mempunyai produk/teknologi berpotensi untuk di komersilkan dan memenuhi kehendak pasaran; dan
- v. Perlindungan harta intelek (*IP protection*) yang masih kurang berkesan bagi mengelakkan kehilangan sumber-sumber yang berpotensi untuk menjana kekayaan negara.

Bagi penyelidikan bioteknologi dibawah dana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, bagi RMK9, sehingga 31 Mei 09 sejumlah RM579.5 juta telah dibelanjakan untuk R&D yang dijalankan oleh universiti dan institusi penyelidikan tempatan.

Bagi projek-projek R&D yang dijalankan dalam RMK9 iaitu yang bermula pada tahun 2006 hingga hari ini, projek-projek R&D tersebut sedang dijalankan dan masih belum ada produk-produk yang dihasilkan untuk dikomersilkan kerana akan mengambil masa yang agak lama untuk tujuan pengkomersilan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, bagi projek-projek R&D yang dijalankan sepanjang RMK8, terdapat 7 produk R&D bioteknologi yang dihasilkan oleh universiti dan institusi penyelidikan Kerajaan sedang dikomersilkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]

TARIKH : 30 JUN 2009

RUJUKAN : 1895

SOALAN:

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha membendung jenayah curi kereta yang kian meningkat dan pendirian Kerajaan atau cadangan mengenakan hukuman sebatan ke atas pesalah-pesalah jenayah curi kereta ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, mengikut statistik, peningkatan terhadap jenayah curi motokar menunjukkan peningkatan namun PDRM sentiasa bertindak proaktif dan dalam menyelesaikan kes ini. Pada tahun 2005, kes curi motokar adalah sebanyak 9,711 kes iaitu 12.6% dan menunjukkan peningkatan pada tahun 2006 kepada 11,154 kes atau 29.3%. Sehingga tahun 2008 sahaja, kes curi motokar terus meningkat kepada 12,428 kes atau 44.1% bagi tahun 2007 dan 15,198 kes atau 76.2% bagi tahun 2008 pula.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis sentiasa mempertingkatkan usaha pencegahan jenayah di seluruh negara bagi memastikan keamanan dan keselamatan rakyat di negara ini sentiasa terpelihara dan terjamin. Di antara langkah jangka pendek yang diambil oleh pihak polis adalah seperti berikut :

- 1) Menubuhkan "Task Force" curi kenderaan di seluruh negara.
- 2) Menambah penugasan anggota polis yang menjalankan tugas-tugas rondaan serta pencegahan jenayah di kawasan yang dikenalpasti akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
- 3) Mempelbagaikan kaedah rondaan seperti menggunakan kereta peronda MPV, rondaan bermotosikal dan anggota bit secara berjalan kaki bagi kawasan-kawasan sesak dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan.

Bagi langkah jangka panjang pula, tindakan pihak polis adalah seperti berikut :

- 1) Mengujudkan balai polis bergerak atau pondok polis komuniti di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan orang ramai dan mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Ini bagi menjamin kehadiran anggota polis secara konsisten di kawasan-kawasan tersebut.
- 2) Menjalinkan hubungan yang erat dengan masyarakat setempat seperti melalui program Rakan Cop, perjumpaan dengan kumpulan masyarakat, ahli jawatankuasa rukun tetangga dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi membanteras jenayah dengan lebih berkesan.
- 3) Pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) bagi memantau kegiatan jenayah di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah

serta mempunyai kawasan liputan yang dapat dikesan dengan lebih pantas dan efektif terutama sekali dalam usaha mengesan penjenayah.

- 4) Membangunkan projek *Central Intelligence Unit (CIU)* yang bakal berfungsi sebagai gerbang maklumat bagi memantapkan mutu penyiasatan serta risikan. Ini bersesuaian dengan perkembangan trend dan modus operandi jenayah yang semakin kompleks dan sofistikated. Projek ini telah diluluskan di bawah PS5T (Pelan Strategik 5 Tahun) yang diberi nama *e-Police Solution* dan masih menanti tempoh untuk pelaksanaan.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, kerajaan belum bercadang untuk mengenakan hukuman sebatan keatas pesalah jenayah curi kenderaan kerana undang-undang yang sedia ada adalah memadai untuk membendung jenayah ini.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN : 99

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan:-

- (a) apakah status pelancaran satelit RazakSAT® yang telah ditunda tarikhnya sejak April 2009 dan apakah masalah teknikal sebenar yang dihadapi oleh satelit itu; dan
- (b) adakah MACC telah menjalankan siasatan terhadap penangguhan pelancaran ini dan apakah hasil siasatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, RazakSAT® kini berada dalam bilik bersih di Pulau Omelek, *Republic of Marshall Islands* sementara menunggu untuk dilancarkan ke orbit. Segala persediaan teknikal telah pun dijalankan oleh jurutera-jurutera ATSB® dan telah berjalan dengan lancar.

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat juga, Kenderaan pelancar Falcon 1 telah melalui satu ujian pembakaran statik di tapak pelancaran dengan berjaya pada 16 April 2009. Pada masa yang sama juga Syarikat Space

Exploration Technology (SpaceX) yang bertanggungjawab bagi melancarkan satelit RazakSAT® telah mendapati data gegaran (vibration) yang akan dialami oleh RazakSAT® semasa pelancaran adalah pada tahap yang kurang selamat untuk RazakSAT®.

Mengikut analisa terkini oleh jurutera-jurutera SpaceX dan ATSB®, satelit RazakSAT® berkemungkinan akan mengalami fenomena gegaran yang lebih tinggi daripada apa yang telah dimaklumkan sebelum ini dan melebihi tahap gegaran yang telah direkabentuk.

Berdasarkan kepada perkara diatas pihak MOSTI, ATSB dan SpaceX telah mencapai persetujuan untuk menangguhkan pelancaran ini setelah mengambilkira kepentingan aset Negara supaya ianya dapat dilancarkan dengan selamat dan beroperasi sepenuhnya di orbit kelak.

Tuan Yang DiPertua,

Tiada siasatan dilakukan oleh MACC terhadap penangguhan pelancaran ini kerana ianya adalah disebabkan oleh masalah teknikal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN NO. 100

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peruntukan geran tahunan mengikut senarai persatuan-persatuan sukan yang berdaftar bagi tahun 2009 untuk melaksanakan program pembangunan sukan dan meningkatkan mutu sukan negara.

JAWAPAN

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM 65.7 juta** pada tahun 2009. Ia melibatkan bantuan kepada 44 Persatuan Sukan Kebangsaan melalui program latihan atlet elit, program latihan atlet pelapis, penganjuran kejohanan, kepegawaian teknikal, penganjuran kursus/seminar dan pengurusan persatuan.

SOALAN NO:

101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]
TARIKH : 30 JUN 2009
RUJUKAN : 1896

SOALAN:

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagi menghadapi keadaan krisis ekonomi yang semakin parah sekarang, adakah Kerajaan berhasrat menghantar pulang pekerja asing dan nyatakan rancangan tersebut secara terperinci.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Baling di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilan pekerja asing belum wajar diberhentikan sekali gus memandangkan keperluan untuk tenaga kerja asing masih wujud terutamanya bagi sektor-sektor seperti pembinaan, perladangan dan pertanian. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bertindak membekukan kemasukan pekerja asing untuk aktiviti-aktiviti perkilangan berkaitan elektrik/elektronik dan tekstil di samping beberapa subsektor di dalam sektor perkhidmatan. Pembekuan ini dijangka dapat membantu mengurangkan bilangan pekerja asing di dalam negara dan dapat membantu warga tempatan mengisi peluang pekerjaan di dalam kedua-dua sektor berkenaan bagi mengharungi krisis ekonomi yang berlaku sekarang ini.

Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengatasi masalah pekerja-pekerja asing yang telah diberhentikan oleh majikan mereka akibat kemelesetan ekonomi pada masa ini. Buat masa ini, Kerajaan telah mengarahkan agar mana-mana majikan yang ingin menutup operasi atau mengecilkan saiz operasi dan telah memberhentikan pekerja-pekerja mereka mereka agar menghantar pulang pekerja asing ke negara asal bagi mengelakkan mereka berkeliaran tanpa majikan di negara ini sekaligus menimbulkan masalah sosial kepada negara. Penghantaran pulang ini juga akan dapat mengurangkan persaingan terhadap warga tempatan terutamanya yang telah

diberhentikan untuk mengisi kekosongan dan peluang pekerjaan yang ada.

SOALAN NO: 102

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN [LIPIS]**
TARIKH : 30 JUN 2009
RUJUKAN : 1897

SOALAN:

Dato' Dr. Mohamad Shahrums bin Osman [Lipis] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan adakah Jabatan Imigresen Malaysia
bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia
dalam usaha membendung kemasukan pendatang tanpa izin secara
berleluasa di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Lipis yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk membendung kemasukan Pendatang asing Tanpa Izin (PATI) ke negara ini, Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa mengadakan kerjasama yang rapat bukan sahaja dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tetapi juga dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut, Kastam Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
[LEMBAH PANTAI]
TARIKH : **30 JUN 2009 (SELASA)**
SOALAN : **103**

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) Jumlah EMU yang dimiliki oleh KTMB berbanding jumlah boleh diguna pakai sehari daripada 1 Januari 2009 hingga 1 Mei 2009; dan
- (b) Perincian RM10 juta yang akan dibelanjakan KTMB untuk memastikan rangkaianannya lebih mesra OKU, serta syarikat yang dipilih untuk projek ini.

JAWAPAN (a)

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah *Electric Multiple Unit* (EMU) yang dimiliki oleh KTMB adalah sebanyak 58 unit. Walau bagaimanapun daripada 58 unit ini, hanya 26 unit atau 45 peratus sahaja yang boleh digunapakai atau yang masih aktif. Jumlah purata sehari yang

digunakan bagi tempoh 1 Januari hingga 1 Mei 2009 adalah sebanyak 23 unit dan purata setiap bulan yang digunakan pula adalah seperti berikut:-

2009	Purata Jumlah EMU Digunapakai Sehari
Januari	25
Februari	24
Mac	22
April	22
Mei	25 (22+3**)

[Nota: 3** EMU hidbrid digunapakai di mana set EMU beroperasi dengan kombinasi set EMU, *Power Generating Car* (PGC) dan lokomotif]

JAWAPAN (b)

Tuan Yang Dipertua,

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah memperoleh peruntukan sebanyak RM10 juta bagi maksud menyediakan kemudahan infrastruktur pengangkutan keretapi yang mesra golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Peruntukan sebanyak RM10 juta tersebut akan dibelanjakan di 5 buah stesen KTM Komuter di Lembah Klang iaitu di Stesen Rawang, Sungai Buloh, Serdang, Shah Alam dan Bandar Tasik Selatan. Skop kerja utama ialah:-

- (i) pembinaan 2 unit lif berkapasiti 20 orang;

- (ii) pemasangan *tactile* di laluan stesen dan landasan;
- (iii) pembinaan tandas khas OKU;
- (iv) penyediaan *ramp*;
- (v) tempat meletak kereta OKU; dan
- (vi) kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan.

Perolehan secara tender terbuka bagi projek ini telah dipanggil di kalangan kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor di bawah Kelas C. Pada masa ini, penilaian tender telah dilaksanakan dan pelantikan kontraktor dijangka diputuskan pada awal Julai 2009 dengan tempoh kontrak selama 8 hingga 10 bulan di mana tender ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG
(NIBONG TEBAL)
TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai belanja yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk pilihan raya kecil yang amat tinggi jika dibandingkan dengan jumlah yang dibelanjakan oleh Pakatan Rakyat. Adakah wang rakyat digunakan bagi menampung perbelanjaan tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, belanja yang digunakan untuk tujuan menjalankan pilihan raya kecil adalah diantara RM 300,000.00 hingga RM 700,000.00 bergantung kepada kawasan pilihan raya yang terlibat dalam pilihan raya tersebut. Namun demikian belanja yang agak tinggi adalah untuk menjaga keselamatan yang dianggarkan diantara RM 3 juta hingga RM15 juta bergantung kepada keadaan keselamatan di tempat berkenaan yang berpunca daripada karenah penyokong-penyokong parti politik.

Sekiranya penyokong-penyokong parti tidak menimbulkan masalah keselamatan, maka kerajaan tidak perlu untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan dan boleh mengurangkan kos perbelanjaan. Berhubung dengan dakwaan perbelanjaan kerajaan dalam pilihan raya kecil lebih tinggi, daripada perbelanjaan yang dilakukan oleh Pakatan Rakyat ia tidak dapat disahkan kerana Pakatan Rakyat tidak pernah mengisytiharkan perbelanjaannya dalam sesuatu pilihan raya kecil.

Dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi, sudah tentulah ia melibatkan wang kerajaan yang diperolehi melalui cukai atau hasil yang dipungut dari rakyat bagi menampung perbelanjaan yang digunakan untuk setiap pilihan raya kecil yang dijalankan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 105

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 30 JUN 2009
RUJUKAN : 1898

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Menteri bersedia menghentikan bantahan terhadap penggunaan perkataan "Allah" oleh agama lain seperti Sikh dan Katholik, atas sebab perkataan tersebut telah pun digunakan beratusan tahun dan bukannya untuk mengelirukan penganut agama lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Isu penggunaan perkataan Allah oleh agama lain selain daripada agama Islam masih lagi di dalam perbicaraan di mahkamah dan Kementerian ini akan mematuhi apa sahaja keputusan mahkamah itu nanti.

Jawapan oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN : YB Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI menyatakan tentang mutu perkhidmatan awam yang dikatakan merosot ekoran aduan- aduan yang bertambah 3 kali ganda sejak 2005.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sebenarnya, perkhidmatan awam Malaysia pada amnya merupakan di antara yang terbaik di rantau ini bahkan di dunia, walaupun diakui masih ada kekurangan dan masih perlu ditambahbaik melalui transformasi.

Menurut *IMD World Competitiveness Year Book 2009*, Malaysia sekarang berada di tempat kelima (5) dari segi kecekapan Kerajaan untuk kategori negara-negara yang mempunyai penduduk melebihi 20 juta. Di samping itu, kajian oleh *Political and Economic Risk Consultancy (PERC)* pada 2007 bagi 12 negara di Asia, menunjukkan bahawa Malaysia adalah di tempat keenam (6) dari segi kecekapan perkhidmatan awam selepas Singapura, Hong Kong, Thailand, Korea Selatan dan Jepun.

Oleh itu, peningkatan aduan daripada 2707 bagi tahun 2005 kepada 8066 bagi tahun 2008 bukanlah disebabkan oleh kemerosotan mutu perkhidmatan awam tetapi disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (1) masyarakat yang semakin berilmu, lebih peka dengan perubahan persekitaran dan lebih berani mengemukakan aduan;
- 2) sikap kesediaan dan keterbukaan Kerajaan untuk mendengar masalah rakyat;
- (3) peningkatan penggunaan media elektronik seperti laman web sebagai saluran yang berkesan , cekap dan cepat untuk mengemukakan aduan dan mendapat jawapan dan tindakan;
- (4) keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap keberkesanan Biro Pengaduan Awam (BPA) untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi;
- (5) pelaksanaan program proaktif seperti Kaunter Aduan Bergerak (KAB), Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu (KABB) dan Mesra Rakyat; dan
- (6) pembukaan cawangan-cawangan BPA baru seperti di Pahang, Perak, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, peningkatan aduan daripada 2707 bagi tahun 2005 kepada 8066 bagi tahun 2008 bukanlah disebabkan oleh kemerosotan mutu perkhidmatan awam tetapi disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

(1) masyarakat yang semakin berilmu, lebih peka dengan perubahan persekitaran dan lebih berani mengemukakan aduan;

2) sikap kesediaan dan keterbukaan Kerajaan untuk mendengar masalah rakyat;

(3) peningkatan penggunaan media elektronik seperti laman web sebagai saluran yang berkesan, cekap dan cepat untuk mengemukakan aduan dan mendapat jawapan dan tindakan;

(4) keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap keberkesanan Biro Pengaduan Awam (BPA) untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi;

(5) pelaksanaan program proaktif seperti Kaunter Aduan Bergerak (KAB), Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu (KABB) dan Mesra Rakyat; dan

(6) pembukaan cawangan-cawangan BPA baru seperti di Pahang, Perak, Melaka, Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN CHONG ENG
[BUKIT MERTAJAM]
TARIKH : 30 JUN 2009
SOALAN :**

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status perkhidmatan Klinik bergerak. Sila nyatakan sama ada projek ini sudah bermula dan jika tidak, bila serta berapa kawasan, termasuk di Bukit Mertajam, yang akan mendapat perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini terdapat 211 buah klinik bergerak yang sedang beroperasi. Daripada jumlah tersebut, 83 buah klinik bergerak beroperasi di Semenanjung Malaysia iaitu 5 buah di Perak, 18 buah di Selangor, 2 buah di Negeri Sembilan, 30 buah di Johor, 26 buah di Pahang, 2 buah di Kelantan, 8 buah di Sabah dan 120 buah klinik bergerak di Sarawak. Klinik bergerak ini disediakan khas untuk penduduk di kawasan-kawasan pedalaman dan pinggiran yang sukar

mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan dari fasiliti kesihatan statik seperti di kawasan penempatan Orang Asli.

Pada tahun 2009, sejumlah RM13.9 juta telah digunakan untuk menaiktaraf kenderaan dan peralatan perubatan untuk klinik bergerak. Di kawasan-kawasan bandar seperti di Bukit Mertajam, perkhidmatan klinik bergerak tidak disediakan kerana mereka boleh mendapatkan akses ke fasiliti kesihatan statik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Kerajaan tidak memberikan arahan kepada syarikat penerbangan MAS ataupun AirAsia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri membenarkan atau memberikan pilihan kepada pramugari yang beragama Islam memakai pakaian menurut syarak.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian telah pun meminta MAS dan AirAsia dan lain-lain syarikat penerbangan negara untuk membenarkan atau memberikan pilihan kepada pramugari beragama Islam memakai pakaian menurut syarak.

Dalam hubungan ini, MAS telah memaklumkan bahawa pakaian pramugari MAS adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh MAS kepada semua pramugari tidak mengira agama dan bangsa. Garis panduan yang di tetapkan itu adalah mengikut polisi 'branding' pihak MAS yang mengambil kira tradisi pakaian masyarakat Malaysia.

Walau bagaimanapun, pemakaian uniform untuk penerbangan sewa khas (charter) termasuk penerbangan haji adalah berlainan. Bagi penerbangan sewa khas sewaktu musim haji, pramugari diwajibkan untuk memakai uniform mengikut ciri-ciri Islam (bertudung) manakala bagi penerbangan sewa khas di luar masa haji, pramugari boleh membuat pilihan samada mereka ingin memakai pakaian seragam di mana kain tudung boleh digunakan.

Berhubung pakaian pramugari AirAsia pula, AirAsia telah memaklumkan bahawa pemilihan pakaian pramugarinya adalah dari fesyen yang direka oleh anak kapal AirAsia sendiri berdasarkan keselesaan sewaktu bertugas dan untuk keterampilan profesional. Untuk makluman Yang Berhormat, pramugari telah diberi pilihan sama ada untuk memilih pakaian kot berwarna merah berlengan panjang bersama skirt atau seluar merah.

SOALAN NO. (109)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)
TARIKH : 30 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan terdapat beberapa jenis sistem letak kenderaan "Parking System" yang diuruskan oleh Kerajaan Tempatan:-

- (a) nyatakan jumlah perbelanjaan dan jumlah pendapatan bagi tahun 2005 hingga 2008 bagi setiap negeri; dan
- (b) berikan sebab-sebab mengapa "Parking System" ini tidak boleh diselaraskan seluruh Negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan sistem meletak kenderaan berdasarkan kepada Undang-Undang Kecil PBT masing-masing. Sistem letak kereta pada masa ini tidak tertakluk kepada Undang-Undang Kecil yang seragam. Oleh kerana itu, PBT boleh menentukan sistem yang difikirkan terbaik untuk dilaksanakan di kawasan masing-masing. Antara jenis-jenis sistem meletak kenderaan termasuklah sistem kupon, sistem bermeter dan sistem bayar dan peraga. Berikut adalah jumlah perbelanjaan dan jumlah pendapatan bagi tahun 2005 hingga 2008 bagi setiap negeri untuk "*parking system*" yang diuruskan oleh PBT:-

(seperti dalam lampiran)

(b) Akta 171 seksyen 102 membenarkan PBT membuat Undang-Undang Kecil masing-masing. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) boleh mengeluarkan garis panduan bagi sistem letak kereta yang seragam.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

JUMLAH PERBELANJAAN DAN JUMLAH PENDAPATAN BAGI TAHUN 2005 HINGGA 2008 DI SETIAP NEGERI BAGI SISTEM LETAK KENDERAAN

NEGERI	BIL.	PBT	Jumlah Perbelanjaan					Jumlah Pendapatan				
			05	06	07	08	JUMLAH	05	06	07	08	JUMLAH
PULAU PINANG	1	MP Seberang Perai	426,533.90	404,540.10	450,786.19	308,047.41	1,589,907.60	2,665,501.65	2,726,760.50	2,799,402.31	2,355,761.50	10,547,415.9
	2	MP Pulau Pinang	737,829.00	822,563.00	1,007,582.00	1,007,582.00	3,575,556.00	4,618,179.00	3,995,608.00	5,201,000.00	4,894,980.00	18,709,767.0
		JUMLAH	1,164,362.90	1,227,103.10	1,458,368.19	1,315,629.41	5,165,463.60	7,283,680.65	6,722,368.50	8,000,402.31	7,250,741.50	29,257,182.9
PERAK	1	MB Ipoh	3,920,000.00	3,980,000.00	4,770,000.00	3,130,000.00	15,800,000.00	6,180,000.00	6,300,000.00	7,830,000.00	7,070,000.00	27,380,000.0
	2	MP Teluk Intan	0	196,016.00	206,810.00	121,200.00	524,026.00	0.00	684,383.00	772,070.00	668,811.00	2,125,264.0
	3	MP Taiping	846,254.00	1,233,511.00	1,243,438.00	1,365,971.00	4,689,174.00	1,599,400.00	1,648,476.00	1,992,296.00	2,017,976.00	7,258,148.0
	4	MP Manjung	106,490.00	167,397.00	90,822.00	209,689.00	574,398.00	566,213.00	861,675.00	1,032,038.00	893,578.00	3,353,504.0
	5	MP Kuala Kangsar	322,323.00	288,536.00	307,183.00	268,441.00	1,186,483.00	374,901.00	362,479.00	347,105.00	331,242.00	1,415,727.0
	6	MD Pengkalan Hulu					Tidak mengenakan bayaran tempat letak kereta					
	7	MD Selama	0.00	0.00	500.00	1,500.00	2,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.0
	8	MD Lenggong					Tidak mengenakan bayaran tempat letak kereta					
	9	MD Kampar	117,575.00	115,155.00	118,844.00	116,984.00	468,558.00	334,774.00	252,393.00	324,034.00	291,835.00	1,203,036.0
	10	MD Perak Tengah					Tidak mengenakan bayaran tempat letak kereta					
	11	MD Tanjung Malim	0.00	178,560.00	166,480.00	155,200.00	501,240.00	0.00	276,882.00	364,466.00	390,854.00	1,032,202.0
	12	MD Kerian	Tiada				0.00	67,711.00	70,533.00	76,306.00	78,935.00	293,485.0
	13	MD Tapah	0.00	0.00	29,500.00	11,000.00	40,500.00	0.00	0.00	73,820.00	53,472.00	127,292.0
	14	MD Batu Gajah	9,200.00	1,557.00	1,458.00	1,104.00	13,319.00	106,128.00	101,532.00	92,823.00	75,431.00	375,914.0
	15	MD Gerik	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	31,656.00	28,429.00	30,940.00	9,372.00	100,397.0
		JUMLAH	5,321,842.00	6,160,732.00	6,835,036.00	5,382,089.00	23,799,698.00	9,260,783.00	10,566,782.00	12,935,898.00	13,891,506.00	44,664,963.0
SELANGOR	3	MP Ampang Jaya	0.00	0.00	470,000.00	0.00	470,000.00	550,000.00	550,000.00	1,340,000.00	1,340,000.00	3,780,000.0
	4	MP Klang	1,536,824.00	1,535,544.00	1,532,089.00	1,532,721.00	6,137,179.00	5,428,536.00	5,549,137.00	5,235,681.00	5,291,442.00	21,504,798.0
	5	MP Kajang	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	349,557.00	366,175.44	366,175.44	365,166.30	22,951,870.1
	7	MP Subang Jaya	82,169.00	360,664.96	303,239.03	222,619.00	968,691.99	4,520,244.80	3,954,917.86	4,233,464.98	4,601,327.10	17,309,954.7
	8	MP Sepang					Tidak mengenakan bayaran tempat letak kereta					
	12	MD Hulu Selangor					Tidak mengenakan bayaran tempat letak kereta					
		JUMLAH	1,618,993.00	1,896,208.96	2,305,328.03	1,755,340.00	7,575,870.99	10,848,337.80	10,420,230.30	11,175,324.42	11,597,935.40	65,546,620.9
JOHOR	3	MP Johor Bahru Tengah	9,149.00	27,070.00	12,420.00	21,321.00	69,960.00	1,468,752.51	1,436,805.48	945,252.78	932,050.50	4,782,861.2
	4	MP Kuang	219,095.88	256,957.41	308,369.77	291,773.80	1,076,196.86	549,265.60	533,416.50	760,695.73	481,216.70	2,324,634.5
	15	MD Segamat	126,175.50	137,591.40	165,701.70	183,465.90	612,934.50	194,709.00	219,499.00	234,835.00	289,174.80	938,117.8
		JUMLAH	354,420.38	421,618.81	486,491.47	496,560.70	1,759,091.36	2,212,727.11	2,189,720.98	1,940,783.51	1,702,442.00	8,045,513.6
PAHANG	1	MP Kuantan	2,631,255.86	2,188,903.70	3,214,576.15	3,512,498.98	11,547,234.69	3,780,616.78	5,363,173.36	6,984,455.79	6,835,392.81	22,963,638.7
		JUMLAH	2,631,255.86	2,188,903.70	3,214,576.15	3,512,498.98	11,547,234.69	3,780,616.78	5,363,173.36	6,984,455.79	6,835,392.81	22,963,638.7
SARAWAK	1	MB Miri	2,550,042.00	2,667,206.00	2,944,695.00	3,069,369.00	11,231,312.00	2,843,097.00	2,675,697.00	2,879,511.00	3,032,130.00	11,430,435.0
	6	MP Sibü	2,901,810.00	1,035,156.00	1,103,840.00	236,341.00	5,277,147.00	4,347,703.00	4,540,620.00	4,740,784.00	4,559,527.00	18,188,634.0
		JUMLAH	5,451,852.00	3,702,362.00	4,048,535.00	3,305,710.00	16,508,459.00	7,190,800.00	7,216,317.00	7,620,295.00	7,591,657.00	29,619,069.0
SABAH	1	DB Kota Kinabalu	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	949,794.62	785,344.13	931,303.34	856,794.63	3,523,236.7
	2	MP Sandakan	2,109,394.66	2,142,525.33	2,483,179.12	2,720,471.84	9,455,570.95	1,639,711.40	1,806,447.20	2,162,419.95	2,119,060.45	7,727,639.0
	3	MP Tawau	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	197,749.00	694,998.00	444,183.00	465,134.00	1,802,064.0
	17	MD Keningau	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	108,000.00	-	-	15,000.00	123,000.0
		JUMLAH	2,109,394.66	2,142,525.33	2,483,179.12	2,720,471.84	9,455,570.95	2,895,255.02	3,286,789.33	3,537,906.29	3,456,989.08	13,175,939.7
		JUMLAH KESELURUHAN	18,852,120.80	17,739,453.90	20,931,512.96	18,488,299.53	75,811,368.59	43,472,200.36	45,785,371.47	52,195,052.32	50,316,663.79	213,273,033.9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]
TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan bagi mewajibkan semua kakitangan awam yang beragama Islam menggunakan hotel yang mempunyai sijil Halal jika ingin menganjurkan program di hotel.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Dalam konteks ini, pihak HDC telah menyediakan rangkakerja strategi untuk menyokong aspirasi kerajaan dalam mencapai objektif supaya semua kakitangan awam yang beragama Islam menggunakan hotel yang mempunyai sijil Halal. Strategi ini berteraskan kepada tiga sudut:-

i. Konsumer

HDC akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran Halal kepada pihak konsumer untuk membangunkan konsep "*well-informed choice*" di kalangan mereka. Strategi ini disasarkan untuk konsumer supaya lebih berpengetahuan dan mempunyai maklumat untuk membuat pilihan produk Halal yang berkualiti tinggi.

ii. Industri

HDC akan membangunkan industri halal yang berdaya saing dengan pengeluaran produk Halal yang boleh diterima oleh masyarakat global. Pihak hotel bertanggungjawab untuk memohon Sijil Halal oleh kerana dengan adanya Sijil Halal, lebih banyak lagi kakitangan beragama Islam akan menganjurkan program-programnya di hotel-hotel berkenaan.

iii. Kerajaan

NO SOALAN: 110

Dalam masa yang sama, HDC akan bekerjasama dengan semua agensi-agensi Kerajaan dalam usaha untuk merealisasikan aspirasi Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH

TARIKH: 30 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH [Gua Musang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senaraikan bank-bank, syarikat-syarikat tempatan, gaji bulanan yang mereka bayar kepada Ketua-ketua Eksekutif kumpulan ini dan nyatakan sama ada Kerajaan berkuasa mengawal bayaran-bayaran ini kerana di Amerika/Eropah, kumpulan ini terus menerima bayaran yang sangat tinggi walaupun syarikat mereka mengalami kerugian yang besar.

PR-022-L18816

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak mengawal kadar bayaran ganjaran kepada Ketua Eksekutif institusi perbankan dan syarikat-syarikat tempatan. Ini adalah bertujuan untuk menarik bakat terbaik dan memberi ganjaran setimpal dengan bakat dan kepakaran mereka ke arah mencapai objektif untuk menyediakan institusi perbankan dan syarikat tempatan yang berdaya tahan, berdaya saing dan dinamik dengan amalan terbaik bagi menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi.

Walau bagaimanapun, bagi sektor kewangan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Urus Tadbir Korporat untuk Institusi-institusi Berlesen yang antaranya mengkehendaki

Lembaga Pengarah institusi-institusi perbankan untuk menubuhkan Jawatankuasa Ganjaran yang bertanggungjawab untuk merangka polisi dan garis panduan berkaitan ganjaran yang dibayar kepada Pengarah, Ketua Eksekutif dan pengurusan kanan institusi perbankan masing-masing. Polisi dan garis panduan pakej ganjaran yang dirangka hendaklah mengambil kira, antaranya, strategi dan objektif institusi perbankan, situasi ekonomi semasa dan prestasi institusi perbankan berkenaan. Bagi memastikan ketelusan, nilai ganjaran yang diberi kepada Pengarah dan Ketua Eksekutif hendaklah disiarkan di dalam penyata akaun tahunan institusi perbankan berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)

TARIKH : 30 JUN 2009

SOALAN:

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian akan menentukan bahawa bayaran talian 'streamyx' diasingkan dengan email: streamix.com dan tmnet.com supaya pelanggan boleh terus menikmati kemudahan email walaupun talian 'streamyx' dipotong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj yang dikenakan ke atas talian internet (Streamyx) oleh pihak Telekom Malaysia adalah berdasarkan kepada pakej yang ditawarkan dan ianya adalah sesuai dengan penawaran perkhidmatan yang diberikan. Untuk makluman,

kadar atau caj perkhidmatan internet jalur-lebar adalah bergantung kepada faktor pasaran dan kos penyediaan perkhidmatan.

Bagi pelanggan yang melanggan perkhidmatan internet jalurlebar Streamyx atau *"dial-up"* TM, mereka dibekalkan dengan kemudahan akaun emel melalui *"domain streamyx.com"* dan *"tm.net.my"*. Kemudahan pakej ini adalah sebagai perkhidmatan tambahnilai di mana secara teknikalnya ia dikonfigurasi untuk menggunakan *"login ID"* atau *kata laluan* yang dibekalkan bersama perkhidmatan Streamyx dan dial-up. Emel ini tidak boleh digunakan secara berasingan tanpa perkhidmatan Streamyx atau dial-up TM, kerana ianya dikhususkan kepada kedua-dua perkhidmatan tersebut.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH : 30.06.2009

SOALAN : DATO' HAJI ISMAIL HAJI MOHAMED SAID minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan, keluasan tanah dan bilangan peneroka yang terlibat dalam Pelan Tanaman Semula 2009 di rancangan-rancangan FELDA dan bantuan yang diberikan kepada peneroka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Tanaman Semula 2009 sebanyak 16 buah rancangan yang akan terlibat di

mana 14 buah adalah rancangan sawit dan dua (2) buah rancangan getah. Bagi memastikan kerja-kerja tanam semula ini berjalan lancar, FELDA telah memperuntukan sebanyak RM91 juta dengan pecahan RM80 juta bagi tanaman sawit dan RM11 juta bagi tanaman getah. Peruntukan ini berasaskan kadar RM5,200 sehektar bagi kos pembangunan sawit. Bagi rancangan getah, kos tanam semula dibiayai melalui bantuan tanam semula RISDA. Kos pembangunan getah ialah RM7,000 sehektar.

Luas kawasan yang terlibat bagi tanam semula pada tahun 2009 adalah 25,209.2 hektar di mana 22,130.58 hektar bagi tanaman sawit dan 3,078.62 hektar bagi tanaman getah. Bilangan peneroka yang terlibat adalah 6,353 orang dengan 5,509 bagi tanaman sawit dan selebihnya iaitu 844 orang bagi tanaman getah.

Untuk membantu kehidupan dan menampung pendapatan peneroka yang menanam semula, Kerajaan menyediakan kemudahan pinjaman sara hidup bagi tempoh belum berhasil iaitu 36 bulan untuk tanaman sawit dan 72 bulan bagi tanaman getah. Kadar bayaran sara hidup yang diamalkan sekarang ialah bagi sawit, peneroka akan

menerima bayaran RM100.00 seekar bagi tahun pertama, RM120.00 seekar bagi tahun kedua dan RM130.00 seekar bagi tahun ketiga. Bagi tanaman getah pula, peneroka akan menerima bayaran RM100.00 seekar bagi tahun pertama, RM120.00 seekar bagi tahun kedua dan RM130.00 seekar bagi tahun ketiga sehingga tahun keenam.

Sara hidup akan diganti dengan bayaran pendahuluan hasil berasaskan RM140 seekar apabila kebun mula mengeluarkan hasil. Seandainya berlaku lebih pendapatan dan kenaikan harga komoditi, bayaran lebih hasil akan diberikan kepada peneroka yang terlibat.

FELDA menguruskan kebun secara berkelompok dan akan melantik pemborong yang berkemampuan untuk menguruskan tanam semula kebun peneroka. Segala perbelanjaan bagi kerja-kerja tanam semula akan menggunakan caruman dari Tabung Caruman Tanam Semula. Dalam tempoh tiga (3) tahun pembangunan tanam semula, peneroka tidak akan dikenakan sebarang caj. Sekiranya mereka tidak mengambil pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil, maka

peneroka tidak mempunyai sebarang hutang. Disebabkan sebahagian peneroka tidak mahu lagi terikat dengan hutang, maka mereka diberikan pilihan ini.

Sehingga ini, seluas 345,501 hektar telah ditanam semula melibatkan seramai 87,214 peneroka. FELDA mengurus tanam semula kebun peneroka untuk memastikan kebun diurus dengan baik dan produktiviti kebun ditingkatkan. Pengurusan kebun berskala besar lebih menjimatkan berbanding pengurusan secara individu. Oleh itu, peneroka digalakkan tanam semula bersama FELDA untuk memastikan penghasilan ditingkatkan.

Dalam tempoh 2009 - 2011, Kerajaan telah meluluskan untuk menyiapkan sepenuhnya kerja tanam semula kebun peneroka bagi kawasan seluas 92,840.11 hektar. Ini membabitkan kira-kira 21,000 peneroka dengan keperluan kos yang tinggi sebanyak RM3.1 billion. Sebahagian daripada persiapan program tanam semula ini telah pun bermula dengan mengadakan penerangan dan kempen tanam semula.